



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5811]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Kesembilan) —

Jadual —

Kepala B. 29 dan B. 30 [Ruangan 5831]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Kesembilan) —

Kepala P. 29 dan P. 30 [Ruangan 5831]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).
- .. Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalian Chepa).
- .. TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- .. DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- .. TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- .. PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- .. TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- .. TUAN AJADBIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- .. TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- .. TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

Yang Berhormat TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).

„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

„ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI @ CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

„ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).

„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

„ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

„ DR. HEE TIEN LAI @ HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).

„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO @ WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIAM HOON @ LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA @ HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BINTUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE @ ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N., (Sungei Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG @ SIBUT MIYUT ANAK TAGONG
(Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA @ HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 7hb Disember, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

JALAN-JALAN KECIL AMPANG

1. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa jalan besar dan semua jalan-jalan kecil di Ampang adalah dalam keadaan yang amat teruk dan amat perlu dibaiki segera dan samada perkara ini dapat dipertimbangkan sebelum Pilihanraya Umum diadakan kelak.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar memang ada jalan-jalan kecil di Ampang yang tidak begitu baik. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerjaraya Selangor adalah sentiasa mengambil tindakan untuk memperbaiki jalan-jalan yang rosak di bawah tanggungjawab jabatan tersebut.

RUMAH KOS RENDAH

2. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar masih

terdapat projek-projek perumahan yang diluluskan oleh Kerajaan tidak mengutamakan membuat rumah-rumah kos rendah, jika sedar:—

- (a) berapakah unit rumah kos rendah yang telah diluluskan oleh beliau di dalam tahun 1977 dan di mana;
- (b) berapakah harga rumah kos rendah tersebut yang ditetapkan oleh beliau; dan
- (c) apakah rancangan beliau bagi membanyakkan rumah-rumah kos rendah yang akan didirikan oleh pemaju-pemaju perumahan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab satu-persatu soalan itu saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pelaksanaan projek-projek perumahan awam adalah mengikut program-program yang telah diatur dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga. Mengikut buku tersebut tidak semua program-program dan rancangan-rancangan perumahan mengutamakan rumah-rumah kos rendah. Oleh itu kita hendaklah memahami di bawah program manakah projek-projek perumahan itu dilaksanakan dan adakah ia termasuk atau tidak di bawah program-program yang mengutamakan rumah-rumah kos rendah. Kiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat memberitahu projek-projek manakah yang dimaksudkan olehnya itu maka bolehlah saya memberi penjelasan mengenainya kepada beliau — samada di dalam atau di luar Dewan ini.

- (a) Bagi projek-projek yang menggunakan peruntukan Kementerian saya, kesemuanya adalah bagi rumah-rumah kos rendah. Di dalam tahun 1977 sebanyak 26,630 yunit telah diluluskan kepada negeri-negeri seperti berikut:—

Johor	5,087 yunit
Kedah	1,437 yunit
Kelantan	692 yunit
Melaka	1,227 yunit
Negeri Sembilan	810 yunit
Pahang	656 yunit
Perak	2,095 yunit
Perlis	228 yunit
Pulau Pinang	2,038 yunit
Sabah	563 yunit
Selangor	4,268 yunit
Sarawak	995 yunit
Trengganu	304 yunit
Wilayah Persekutuan	6,230 yunit
JUMLAH:	<u>26,630 yunit</u>

- (b) Kementerian saya tidak dapat menetapkan harga rumah kos rendah secara mutlak oleh kerana keadaan dan keperluan sesuatu tempat itu berlainan dari satu tempat ke tempat yang lain dan kerja-kerja yang diperlukan adalah dijalankan melalui tender terbuka. Walau bagaimanapun, pada umumnya kos rumah-rumah ini adalah lebih kurang antara \$6,000 hingga \$7,500 seyunit bagi rumah teres atau kelompok atau kayu sesebuah, dan lebih kurang antara \$10,000 hingga \$12,000 sebuah bagi rumah pangsa di Semenanjung Malaysia. Di Sabah dan di Sarawak pula kos purata ialah lebih kurang \$10,000 yunit.

- (c) Sejauh mana yang berkenaan dengan pemaju-pemaju perumahan, mereka tidak dikehendaki melaksanakan 'rumah-rumah kos rendah' kerana istilah 'rumah kos rendah' "low cost houses" ini digunakan oleh Kementerian saya untuk projek perumahan awam yang dikendalikan oleh Kerajaan dengan tidak melibatkan elemen ke-

untungan. Pemaju-pemaju perumahan swasta bagaimanapun ada melaksanakan 'rumah harga rendah' atau "low-priced houses" dengan secara per-sendirian ataupun berusahasama dengan agensi-agensi Kerajaan atau anak-anak syarikat mereka. Untuk menggalakkan lebih banyak lagi pembinaan 'rumah harga rendah' itu oleh pemaju-pemaju perumahan beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan yang termasuk:—

- (i) Beberapa Kerajaan-kerajaan Negeri (seperti Johor dan Selangor) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengenakan syarat beberapa peratus (angkanya berbeza dari satu negeri ke lain negeri) daripada tanah yang diizinkan tukar syaratnya untuk perumahan hendaklah didirikan dengan rumah-rumah harga rendah iaitu yang harga jualannya tidak melebihi \$15,000 seyunit;
- (ii) Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan memberi keutamaan (priority) kepada permohonan untuk mendapat lesen dan permit iklan apabila Kemajuan Perumahan ada termasuk juga 'rumah harga murah' atau harga rumah yang tidak melebihi \$25,000 seyunit.

SYARIKAT MENCARIGALI MINYAK

3. **Dr. Chen Man Hin** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan yang berikut:—

- (i) nama-nama syarikat minyak asing yang sekarang menjalankan penyiasatan minyak di Lautan China Selatan;
- (ii) jumlah pakar-pakar Malaysia yang diambil berkhidmat oleh syarikat-syarikat ini;
- (iii) negeri-negeri di mana minyak ini akan diproses; dan

- (iv) samada pemasangan-pemasangan minyak ini dibuka untuk pemeriksaan tempatan dan kawalan undang-undang.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (i) sebagaimana yang saya telah maklumkan dahulu, pada masa ini ada empat buah syarikat yang sedang menjalankan usaha mencari-gali minyak di dalam perairan Malaysia di Laut China Selatan. Syarikat-syarikat itu ialah:—

- (i) Sarawak Shell Berhad;
- (ii) Sabah Shell Petroleum Company;
- (iii) Pecten Malaysia Company;
- (iv) Esso Production Malaysia Incorporated;

Untuk menjawab soalan (ii), sehingga kini, belum ada pakar-pakar petroleum warga-negara Malaysia yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat minyak itu. Kebanyakan pakar-pakar yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat itu, adalah diambil samada daripada syarikat-syarikat gabungannya atau syarikat-syarikat perunding dari negeri-negeri lain.

Bagi menjawab soalan (iii), minyak mentah Malaysia adalah diproses di negara-negara seperti berikut:—

- (i) Jepun
- (ii) Amerika Syarikat
- (iii) Malaysia
- (iv) Thailand
- (v) Filipina
- (vi) Singapura
- (vii) Brunei

Untuk menjawab soalan (iv), mengikut Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (Production-Sharing Agreement) antara Petronas dan syarikat-syarikat minyak itu, segala alat-alat dan pelantar-pelantar mencari-gali minyak yang digunakan adalah hakmilik Petronas dan disewakan kepada syarikat-

syarikat itu. Oleh yang demikian alat-alat dan pelantar-pelantar itu adalah tertakluk kepada pemeriksaan dan kawalan Petronas.

IMIGERESAN DI TAMBAK JOHOR

4. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memperbaiki pemberesan pelawat-pelawat oleh pihak Imigeresen di Tambak Johor Bahru dengan mengambil lebih banyak lagi kakitangan khususnya semasa cuti-cuti umum apakah pelawat-pelawat yang menggunakan kenderaan menderita akibat kepanasan yang dialami selama satu atau dua jam sebelum mereka sampai ke tempat pemeriksaan Imigeresen selepas menyeberangi tambak sepanjang $\frac{3}{4}$ batu itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu kesesakan yang berlaku sekarang di Tambak Johor adalah disebabkan oleh keadaan di Tambak itu sendiri. Keadaan jalan ke tempat pemeriksaan Imigeresen adalah tidak mencukupi, kerana hanya membenarkan 2 kenderaan bergerak masuk pada satu-satu ketika. Keadaan ini bertambah buruk bila pemandu kereta tidak mengikut peraturan lalulintas yang berlumba-lumba dan menyebabkan berlakunya kesesakan.

Ada setengah-setengah pelancang pula tidak mengisi kad pendaratan dengan betul. Oleh kerana kad pendaratan adalah penting dalam Peraturan Imigeresen, pelancang-pelancang itu terpaksa di arah mengisi kad itu dengan betul. Ini boleh menyebabkan ke-lambatan sedikit. Di samping itu kereta-kereta terpaksa berhenti pula di tempat pemeriksaan Kastam. Keadaan yang sama seperti ini mungkin berlaku kerana pemeriksaan Kastam dijalankan dengan rapi supaya cukai dapat dikutip dengan baik dan juga mencegah penyeludupan. Sedikit kelambatan ini tidak dapat dielakkan.

Untuk mengatasi kesesakan ini maka Kerajaan akan membina Kompleks Pemeriksaan Imigeresen di Johor Bahru di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Apabila kompleks pemeriksaan ini siap kelak keadaan kesesakan itu akan dapat diatasi.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah sementara telah diambil bagi mengatasi masaalah ini. Misalnya, pihak Imigeresen memberi keutamaan memeriksa 'Organized Tours' dan menyediakan tempat-tempat khas bagi mereka yang mempunyai masaalah paspot atau tidak mengisi kad pendaratan dengan betul.

Dr. Chen Man Hin: Soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sendiri nampak di dalam Jabatan Imigeresen Johor Bahru, sungguhpun ada lebih saluran untuk kereta jalan, tetapi pada satu hari iaitu hari kelepasan (holiday) saya nampak dibuka di setengah tempat sahaja. Ini menunjukkan kekurangan Pegawai-pegawai Imigeresen. Saya bertanya pihak Kastam dan pihak Kastam menjawab perkara ini bukan urusannya, Pegawai Imigeresen sangat kurang. Pegawai Kastam menunggu kereta datang. Adakah sedar?

Dato' Sharif Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal di Johor Bahru ini seperti saya katakan tadi mengikut keadaan hari ini walaupun kita tambah pegawai, kapasitinya begitu juga. Tetapi walau bagaimanapun, saya akan tengok perkara ini.

MANGSA BANJIR

5. Tuan A.K. Aliuddin minta Menteri Kebajikan Am menyatakan bahawa setiap kali Negeri Sabah dilanda banjir apakah bentuk bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat dan setakat ini berapakah jumlah kewangan yang telah disumbangkan bagi maksud tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren): Tuan

Yang di-Pertua, tanggungjawab bagi membantu mangsa-mangsa banjir yang lazimnya berlaku di Negeri-negeri pada tiap-tiap tahun adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing. Kerajaan Persekutuan membantu hanya jika keadaan banjir yang melanda sesebuah Negeri itu didapati luar biasa. Untuk ini Kerajaan Persekutuan memberi bantuan sebanyak \$50,000 kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam tahun ini.

MINYAK PETROL/MOTOR GASOLINE

6. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar, bahawa minyak-minyak petrol akan dikeluarkan di Malaysia tidak lama lagi. Tidakkah pihak Kementerian berkenaan bercadang akan mengurangkan cukai impot minyak petrol dari luar negeri untuk pengguna-pengguna di Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa minyak petrol atau motor gasoline telah lama dikeluarkan di negeri ini. Ini terbukti dengan adanya kilang-kilang penapisan di Port Dickson dan Miri. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, cukai impot ke atas petrol ialah \$1.51 sen segelen, sementara duti eksais ialah \$1.41 sen segelen. Perbezaan sebanyak 10 sen tersebut ialah untuk menggalakkan Syarikat-syarikat minyak yang memasarkan keluaran-keluaran petroleum di Malaysia untuk memproses minyak mentah di dalam negeri ini. Duti eksais, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, adalah dikenakan ke atas keluaran perkilangan yang tertentu yang dikeluarkan dalam negeri ini, yang mana ianya adalah merupakan salah satu sumber hasil Kerajaan. Hasil dari sumber ini serta lain-lain sumber adalah diperlukan oleh Kerajaan untuk membiayai dan mempercepatkan pembangunan sosial dan ekonomi negara. Justeru itu, Kerajaan pada masa ini tidak cadangan untuk mengurangkan cukai impot ke atas petrol.

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA

7. **Penghulu Abit anak Angkin** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa perjalanan pusat-pusat LPN tertentu adalah dalam keadaan kelam-kabut kerana pengeluaran beras gred murah. LPN di Sibu selalu mengeluarkan semua kategori beras kepada peniaga-peniaga beras di bandar dan tidak pedulikan peniaga-peniaga kecil di luar bandar. Biasanya peniaga-peniaga kecil ini kebanyakannya terdiri daripada kaum Bumiputra yang diberi lesen oleh LPN. Mereka merasa hampa kerana tidak dapat beras. Tidak syak lagi mereka boleh membeli beras daripada peniaga-peniaga besar tetapi dengan harga yang begitu mahal yang seharusnya pula terpaksa dijual runcit dengan harga yang mahal juga. Kesudahannya pengguna-pengguna juga yang menderita.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman); Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa ada pusat-pusat Lembaga Padi dan Beras Negara yang berjalan dengan keadaan kelam-kabut. Sistem penjualan yang diamalkan oleh LPN adalah sama di antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak di mana semua pemborong boleh membeli beras daripada LPN tidak kira samada pemborong itu dari luar bandar ataupun dari bandar. Demi untuk mengekalkan struktur pasaran yang sedia ada peruncit-peruncit perlulah mendapat bekalan daripada pemborong. Oleh sebab itu, LPN tidak menjual terus kepada peruncit. Mengenai harga, sungguhpun Perintah Kawalan Harga Beras tidak berkuatkuasa di Negeri Sarawak tetapi harga beras adalah sentiasa diawasi oleh LPN.

PENYERTAAN BUMIPUTRA

8. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau berpuashati dengan kemajuan Bumiputra menyertai perdagangan dan perindustrian khususnya di Sarawak, jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil

untuk mempercepatkan penyertaan mereka dalam lapangan ini sebagaimana yang diharapkan mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah); Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya saya belum berpuas hati dengan kemajuan penyertaan bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian setakat ini khususnya di Sarawak.

Dalam perkara ini kita adalah sedang mengambil langkah untuk memperbesarkan lagi cawangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berada di Sarawak dengan harapan menubuhkan satu yunit khas bahagian penyertaan bumiputra di Sarawak pada tahun 1978.

Selain daripada itu, sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, Sarawak sekarang ini telah dimasukkan dalam Jawatankuasa Khas Penyertaan Bumiputra dalam bidang Perdagangan dan Perusahaan yang jawatankuasa ini dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam mana wakil daripada Sarawak, iaitu Ketua Menteri sendiri dapat menyatakan kepada jawatankuasa khususnya kepada Kerajaan Pusat tentang masaalah-masaalah dan sebagainya berkaitan dengan penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan di Negeri Sarawak.

Selain daripada itu, kita juga adalah sedang merancang kursus-kursus perdagangan dan berharap akan mempergiatkan lebih-lebih lagi kursus-kursus ini melalui Pusat Daya Pengeluaran Negara kerjasama dengan MARA dan juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya kita dapat mewujudkan lagi bukan sahaja golongan peniaga-peniaga bumiputra yang ramai bahkan yang lebih penting mewujudkan lebih banyak lagi pegawai-pegawai eksekutif daripada kaum bumiputra yang bertugas akan dapat bertugas di kilang-kilang dan juga di gedung-gedung perniagaan di dalam Negeri Sarawak.

Selain daripada itu juga, kita akan mengesani perjalanan pergolakan perkara-perkara di Sarawak untuk memastikan supaya segala hak-hak yang kita beri kepada bumiputra di Semenanjung ini dipanjangkan juga kepada Negeri Sarawak, umpamanya, syarat-syarat bahawa perkhidmatan dalam kilang-kilang mestilah menggambarkan rupa kaum dalam negara ini dan dalamnya 30% sekurang-kurangnya pekerja-pekerja daripada bumiputra, syarat bahawa sekurang-kurangnya 30% hak-hak mengedar barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang adalah akan diedarkan oleh kaum bumiputra dan sebagaimana kita buat di Semenanjung sekurang-kurangnya 80% quota impot akan diberi kepada kaum bumiputra.

Dengan adanya langkah-langkah ini dan pengawasan kita supaya syarat-syarat ini dipatuhi dengan ketat kita berharap kedudukan penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan Negeri Sarawak akan bertambah lebih baik lagi daripada masa sekarang.

PEMBINAAN RUMAH-RUMAH

9. Tuan Azharul Abidin bin Abdul Rahim minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan bilangan yunit rumah yang dibina dalam tahun 1975, 1976 dan 1977 dan bilangan rumah yang dijangka akan dibina dalam tahun 1980.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan rumah-rumah adalah seperti aktiviti yang dijalankan oleh berbagai sektor, agensi-agensi, organisasi-organisasi dan orang-orang perseorangan. Saya tidak dapat memberitahu bilangan yunit rumah yang dibina dalam tahun 1975, 1976 dan 1977 oleh kerana tidak ada pungutan banci rumah yang dijalankan di dalam tahun-tahun tersebut. Bancian perumahan yang akhir (bagi Semenanjung Malaysia) ialah dalam tahun 1970 dan adalah dijangka pungutan bancian akan dijalankan dalam tahun 1980.

Saya juga tidak mahu membuat ramalan mengenai bilangan rumah-rumah yang akan dapat dibina dalam tahun 1980 oleh kerana dalam tempoh dari sekarang hingga tahun 1980 berbagai perkara mungkin berlaku yang mana boleh mempengaruhi usaha-usaha pembinaan rumah.

TANAH HUTAN SIMPAN KAYU BALAK

10. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah beliau bercadang untuk mengadakan satu rancangan penentuan keluasan tanah hutan simpan bagi menjamin bekalan kayu balak sepanjang masa pada tiap Negeri mengikut Negeri di Malaysia. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama melalui Jabatan Perhutanan telah membuat satu kajian yang mendalam mengenai kedudukan bekalan kayu balak di Semenanjung Malaysia dan telahpun mengemukakan cadangan kepada sidang Majlis Perhutanan Negara untuk mendapatkan persetujuan dari Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menubuhkan kawasan hutan simpan kekal. Dalam sidang Majlis Perhutanan Negara Yang Keempat yang berlangsung pada 29hb Ogos, 1977 syor untuk penubuhan hutan simpan kekal yang berjumlah 12.8 juta ekar iaitu 39.4% daripada luas kawasan Semenanjung Malaysia telahpun diterima oleh semua Kerajaan-kerajaan Negeri. Cuma pada masa ini pelaksanaan di peringkat pentadbiran perlu dipergiatkan lagi bagi menubuhkan kawasan-kawasan hutan simpan kekal itu mengikut undang-undang.

Dalam pada itu semua Kerajaan Negeri telahpun menerima cadangan Kementerian Perusahaan Utama bahawa pembukaan kawasan hutan walaupun dalam tanah Kerajaan atau hutan simpanan hendaklah dikurangkan dan dicatukan antara 290,000 dengan 340,000 ekar setahun. Kawasan yang

benar-benar dikehendaki untuk projek pembangunan sahaja dikeluarkan untuk pembalok. Oleh yang demikian, pembukaan kawasan tanah Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga hendaklah dicatukan pada 140,000 ekar setahun. Maka dengan dasar ini dan disusuli dengan aktiviti-aktiviti pembangunan sumber hutan secara yang giat dan mengikut progem-progem tertentu pengeluaran sumber kayu yang berkekalan akan terjamin dalam negeri ini.

PERBINCANGAN PERDANA MENTERI/ PRESIDEN CARTER

11. **Tuan Farn Seong Than** minta Perdana Menteri memberikan laporan kemajuan terhadap perbincangannya dengan Presiden Carter semasa lawatan beliau baru-baru ini ke Amerika Syarikat mengenai perkara-perkara berikut:—

- (a) perjanjian perdagangan bebas dengan Amerika terutama sekali penyampaian barang-barang dan hasil-hasil Negara ASEAN kepada pasaran Amerika; dan
- (b) pelaburan Amerika di Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam pertemuan saya dengan Presiden Carter dan pemimpin-pemimpin sektor swasta sewaktu lawatan rasmi saya ke Amerika Syarikat baru-baru ini, perkara-perkara perdagangan, termasuk kemasukan barang-barang dan hasil Negara ASEAN ke pasaran Amerika Syarikat dan pelaburan Amerika di Malaysia, adalah di antara perkara-perkara yang telah kami bincangkan.

Oleh kerana rundingan-rundingan saya itu baru sangat lagi, maka setakat ini saya belum dapat memberi laporan kemajuan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

Walau bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan Amerika Syarikat telah memberi jaminan bahawa ia tidak akan mengenakan sekatan perdagangan

ke atas impot kelapa sawit. Mengenai pelaburan Amerika pula, kita telah menerima banyak pertanyaan, dan beberapa cadangan adalah sedang giat dibincangkan antara agensi-agensi Kerajaan dan pengusaha-pengusaha dan pedagang-pedagang Amerika untuk dilaksanakan.

RUMAH MURAH

12. **Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah beliau bercadang membuat dasar baru bagi menentukan pembinaan rumah murah khas untuk pekerja-pekerja dan rakyat yang berpendapatan kurang dari \$500 sebulan dan langkah-langkah mencegah eksploitasi.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat itu rancangan pembinaan rumah-rumah kos rendah sebagaimana diamalkan sekarang sememangnya khas untuk pekerja-pekerja dan rakyat dalam golongan berpendapatan rendah. Tegasnya rancangan yang dimaksudkan sudah sedia ada dijalankan oleh Kerajaan melalui pembinaan rumah-rumah awam kos rendah di bawah peruntukan pinjaman Kementerian saya.

Soalan Yang Berhormat mengenai langkah-langkah untuk mencegah eksploitasi adalah terlalu umum. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah dan akan mengambil tindakan-tindakan menyasat aduan-aduan yang diterima dari masa ke semasa sekiranya aduan-aduan tersebut berkaitan dengan usaha-usaha menguatkuasakan Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya.

PELABUHAN KELANG

13. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perhubungan menyatakan iaitu memandangkan bahawa Pelabuhan Kelang sudah termasyhur se-

bagai sebuah Pelabuhan yang tiada cekap dan pantas di Asia akibat dari kerosakan mesin-mesin, kekacauan buruh-buruh dan pengurusan yang lemah, apakah tindakan yang cekap dan pantas yang sedang diambil untuk memulihkan imej seperti ini, sebelum pelabuhan ini turun darjatnya kepada pengkalan feri.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang terdapat di Pelabuhan Kelang bukanlah sebegitu buruk seperti yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebaliknya rakan saya Menteri Perhubungan tidak pula menafikan yang keadaan itu tidak pernah berlaku. Kementerian Perhubungan dan Lembaga Pelabuhan Kelang dan pihak-pihak yang berkenaan senantiasa berusaha untuk mengemaskan lagi pengurusan Lembaga Pelabuhan Kelang terutama sekali dalam aspek jangka panjangnya. Salah satu daripadanya ialah mengkaji dan mengubah cara-cara bekerja dari semasa ke semasa untuk mencapai kecekapan. Satu pasukan pertugas juga telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah-masalah pengendalian kontena di Pelabuhan Kelang dan mencari jalan mengatasinya. Pasukan ini dianggotai oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam urusan pengendalian kontena di Pelabuhan itu seperti Jabatan Kastam, Kontena Nasional, Pentadbiran KTM, "Forwarding & Shipping Agents", Persatuan Pemilik-pemilik kapal dan Kementerian ini.

BAHASA IBUNDA PELAJAR

14. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar pengajaran Bahasa Ibunda Pelajar tidaklah dilaksanakan di setengah-setengah sekolah sunguhpun ada permintaan daripada pelajar-pelajar yang cukup bilangan, dan jika ya, sila nyatakan sebab-sebab mengapa dan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Menteri Pelajaran (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, meng-

ikut Seksyen 2, Akta Pelajaran 1961, kemudahan-kemudahan untuk pengajaran Bahasa Cina dan Tamil, sekiranya berpatutan dan boleh diadakan akan disediakan jikalau ibubapa 15 murid dalam sesebuah sekolah itu membuat permintaan. Kementerian Pelajaran telah mengarahkan sekolah-sekolah menyediakan kemudahan-kemudahan ini bila terdapat permintaan daripada murid-murid yang mencukupi bilangannya. Walau bagaimanapun pelaksanaan boleh terganggu atau menjadi lambat di setengah-setengah sekolah disebabkan kekurangan guru-guru yang sesuai, masalah pentadbiran, keciciran murid-murid yang telah mendaftar. Sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan nama sekolah-sekolah yang telah tidak dapat menyediakan kemudahan ini, Kementerian Pelajaran akan menjalankan penyiasatan dan cuba memperbaiki keadaan tersebut.

STESYEN PEMANCAR TV DI KAPIT

15. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Penerangan menyatakan bila masanya stesyen pemancar yang telah didirikan di Kapit, Bahagian Ketujuh boleh digunakan oleh kerana pada masa ini ramai penduduk-penduduk telah membeli peti talivisyen dengan harapan mereka boleh menonton siaran-siaran yang dipancarkan dari Kuching ataupun dari Sibul.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Jabatan Talikom, sebuah bangunan telahpun dibina di dalam kawasan Kapit untuk menempatkan alat-alat talikom termasuk micro-wave bearers. Seperti biasa, bangunan itu telahpun direka bentuk untuk menempatkan alat-alat pemancar TV juga. Mengikut keutamaan di Sarawak untuk masa ini ialah membeli sebuah van siaran luar. Van siaran luar ini telahpun ditempah dan apabila tiba kelak dapatlah juga digunakan bagi Sarawak seluruhnya.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Penerangan akan berusaha untuk mendapatkan

peruntukan baru untuk kelengkapan alat-alat pelancaran siaran TV ke kawasan Kapit apabila Rancangan Malaysia Ketiga diulangkaji pada tahun hadapan. Adalah diharapkan dengan kelulusan itu kelak maka akan dapatlah alat-alat pemancar TV dipasang di bangunan yang telah sedia di Kapit itu untuk membawa siaran TV melalui Sabah.

ELAUN KERJA LEBIH MASA

16. Wan Zainab binti M.A. Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar masaalah kelewatan membayar elaun-elaun kerja lebih masa kepada kakitangan Kerajaan sering berlaku di setengah-setengah Jabatan Kerajaan hingga memakan masa berbulan-bulan lamanya. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sukalah menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang segera membayar elaun-elaun kerja lebih masa kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan dan Ketua-ketua Jabatan telahpun diarah berbuat demikian. Walaupun begitu, kadangkala berlaku kelambatan kerana tuntutan tidak jelas dan terpaksa diperolehi matlumat-matlumat tambahan sebelum dapat dilaksanakan pembayaran.

SEKIM SUBSIDI PAWAH

17. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa di Negeri Sarawak petani-petani di luar bandar tidak mendapat sekim subsidi pawah seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Jika ya, bilakah petani-petani luar bandar di Sarawak akan dapat sekim subsidi pawah.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, sedar. Di Sarawak, Rancangan Pawah telah diberhentikan dalam tahun 1973. Tetapi

sebagai gantinya Kerajaan Negeri telah mengadakan subsidi di bawah Rancangan Memperbaiki Ternakan (Animal Husbandry Improvement Scheme). Di bawah sekim ini anak lembu jantan baka baik diberikan kepada petani-petani dengan harga kadar subsidi untuk meninggikan mutu ternakan mereka. Selain dari itu Pusat Permainan Beradas telah diadakan di Tarat dan petani-petani juga boleh mendapat faedah dari Pusat Ternakan, Penyelidikan dan Latihan yang sedang dilaksanakan di Bahagian Keempat.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG WELLESLEY

18. Tuan Au How Cheong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk membina sebuah bangunan tetap untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), di Ladang Wellesley, Kedah kerana pada masa ini murid-murid hanya menumpang belajar di dalam kuil di ladang ini.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak ada cadangan untuk membina bangunan gantian bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Ladang Wellesley. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kementerian sedang melaksanakan satu projek Sekolah Rendah Kebangsaan berhampiran dengan kawasan itu. Bilangan murid di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di kawasan itu adalah kecil dan dengan itu tidak menguntungkan jika dibina 2 sekolah berasingan. Dengan yang demikian Kementerian akan mengatur agar kedua-dua sekolah ini dapat berkongsi.

KILANG BAJA UREA

19. Tuan Latip bin Haji Dris minta Perdana Menteri menyatakan samada rancangan untuk membuat industri projek urea di

Bintulu, Sarawak akan dilaksanakan dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Ketiga. Jika tidak kenapa projek itu dibatalkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum lagi memutuskan dimana kilang baja urea yang dicadangkan itu akan ditempatkan. Ini adalah kerana kajian kemungkinan projek tersebut baharu sahaja selesai dan syarikat perunding itu sedang menyediakan laporan untuk dikemukakan kepada Kerajaan. Laporan itu akan mencadangkan, diantara lain, tempat yang paling sesuai dan praktikal dimana kilang itu akan diletakkan. Kerajaan akan membuat keputusan setelah meneliti laporan itu nanti. Adalah dijangkakan bahawa kerja-kerja persiapan dan kerja-kerja kejuruteraan awalan mengenai projek itu akan dimulakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Latip bin Haji Dris: Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan adakah rancangan urea ini telah dimasukkan dalam satu perjanjian di antara Petronas dan Kerajaan Negeri Sarawak di masa membuat perjanjian mengenai pengeluaran minyak dan gas dahulu?

Perdana Menteri: Saya dukacita tidak ingat samada perjanjian seperti itu ada atau tidak, barangkali harus ada. Tetapi bagaimana yang saya terangkan berkenaan dengan menempatkan projek urea ini adalah bergantung kepada penyiasatan yang saya sebutkan tadi. Sebagaimana yang saya terangkan Kerajaan akan meneliti laporan itu dan membuat keputusannya kelak.

PARTI POLITIK DALAM PERDAGANGAN

20. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat parti politik telah berkecimpung dalam lapangan perdagangan dengan cara yang besar. Jika benar, samada inilah patut mengikut

undang-undang untuk Parti Politik menjalankan seperti yang dikatakan tadi.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setahu Kementerian Dalam Negeri tidak ada mana-mana parti politik yang berkecimpung secara langsung atau secara besar-besaran dalam lapangan perdagangan. Apa yang diketahui parti-parti politik hanya mengemukakan penubuhan koperasi-koperasi atau syarikat-syarikat dan setelah tertubuhnya institusi-institusi ini parti-parti politik tidak lagi mengambil peranan.

SIJIL KEWARGANEGARAAN

21. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pemohon untuk sijil-sijil kewarganegaraan Malaysia sejak 1hb Januari, 1973 hingga 31hb Disember, 1976 dan jumlah yang telah diluluskan dan bilangan yang akan dipertimbangkan.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan menjadi warganegara yang diterima oleh Pusat Pendaftaran Warganegara, Petaling Jaya semenjak 1hb Januari, 1973 hingga 31hb Disember, 1976 ialah sebanyak 57,056 permintaan. Dari jumlah itu sebanyak 41,241 permohonan telah diselesaikan, manakala sebanyak 15,815 permohonan masih lagi sedang diproses untuk dipertimbangkan.

Dr. Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan 41,000 lebih permohonan telah diselesaikan. Bolehkah beliau sebutkan di dalam Dewan ini di antara 41,000 permohonan yang telah diselesaikan berapa permohonan itu telah berjaya atau diluluskan.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan masa untuk menengokkan statistiknya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN
USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (6hb Disember, 1977).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, petang semalam waktu Dewan ini ditangguhkan Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedang mengemukakan peruntukan bagi Kementeriannya di bawah Kepala B. 29, B. 30 dan P. 29, P. 30.

Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Menteri menyambung ucapan beliau.

*Kepala B. 29 dan B. 30 (Jadual) —
Kepala P. 29 dan P. 30 (Anggaran Pembangunan, 1978) —*

3.12 ptg.

Menteri Pelajaran (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad): Tuan Pengerusi, menyambung penjelasan saya berkenaan dengan peruntukan untuk universiti-universiti, saya ingin menyebut bahawa sejumlah \$14,512,380

pula diperlukan bagi Universiti Sains untuk meneruskan projek pembangunannya dalam tahun 1978. Bagi Universiti Teknologi \$25,121,000 diperlukan dalam tahun 1978. Selain daripada meneruskan projek-projek yang sedia ada di Jalan Gurney, peruntukan yang dipohon adalah untuk kerja-kerja tapak dan memulakan projek baru iaitu Pejabat Pentadbiran dan Masjid, lalu-lintas dan Asrama Penuntut di tapak baharu di Johor.

Bagi Belanja Pembangunan Instituti Teknologi MARA sebanyak \$23,568,000 diperlukan dalam tahun 1978. Peruntukan ini adalah untuk meneruskan projek-projek pembangunan di Shah Alam dan memulakan kerja-kerja pembinaan bagi kampus cawangan di Dungun dan Kangar.

Aktiviti Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri

Kementerian Pelajaran sentiasa mengawasi dan menjaga Kebajikan Penuntut-penuntut kita di luar negeri dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan seperti menubuhkan Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia dan mengadakan peruntukan bagi penyeliaan pusat-pusat penuntut. Selain daripada itu perkhidmatan pegawai-pegawai kebajikan juga diadakan untuk membantu penuntut-penuntut di dalam berbagai masalah yang mungkin mereka hadapi semasa berada di seberang laut.

Peruntukan yang diperlukan bagi Aktiviti ini ialah sebanyak \$6,596,500. Jumlah ini diperlukan bagi membiayai Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di United Kingdom, Australia, Indonesia, New Zealand, India dan Amerika Syarikat dan juga untuk membiayai asrama-asrama dan pusat-pusat penuntut di negeri-negeri tersebut dan di lain-lain negeri di mana pusat-pusat penuntut telah didirikan.

Bagi Belanja Pembangunan sejumlah \$1,293,078 diperlukan pada tahun 1978 untuk meneruskan pengubahsuaian kepada Pusat

Penuntut Malaysia, London dan bagi pembayaran kepada pembelian bangunan untuk dijadikan Pusat Penuntut Malaysia di Indonesia serta meneruskan pembinaan Asrama Puteri di Kahirah, Mesir.

Aktiviti Biasiswa/Dermasiswa/Hadiah Bantuan Latihan

Tuan Pengerusi, sebagai lanjutan kepada usaha Kerajaan untuk membolehkan rakyat-rakyat yang tidak berkemampuan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang sehabis tinggi maka Kementerian ini telah mengadakan sekim pemberian melalui biasiswa, dermasiswa dan hadiah bantuan latihan yang lainnya. Melalui sekim ini, kanak-kanak yang terutamanya dari kawasan luar bandar yang tidak berkemampuan untuk meneruskan pelajaran mereka disebabkan kekurangan pendapatan keluarga mereka, hadiah-hadiah biasiswa, dermasiswa dan lain-lain adalah diberi kepada mereka ini supaya keperluan persekolahan iaitu untuk membeli buku dan menampung lain-lain perbelanjaan sekolah dapat dikurangkan bebannya daripada ibubapa mereka. Selain daripada menampung keperluan persekolahan sehingga ke peringkat Sijil Tinggi Persekolahan, dermasiswa dan biasiswa adalah juga dihadiahkan untuk ke peringkat Universiti dan juga peringkat Ijazah Lanjutan. Pemberian biasiswa ke peringkat universiti adalah untuk menampung keperluan tenaga-tenaga pengajar yang makin hari makin bertambah. Keperluan tenaga pengajar adalah di semua aspek matapelajaran yang diajar di sekolah-sekolah dan juga di maktab-maktab perguruan.

Sekim ini juga adalah menampung hadiah biasiswa untuk Ijazah Lanjutan iaitu bagi memperbaiki lagi mutu atau taraf kelayakan pensyarah-pensyarah di maktab-maktab dan juga Pegawai-pegawai Kanan di Kementerian supaya Kerajaan dapat mengadakan sistem pelajaran yang bersesuaian bagi negara ini melalui kebolehan pegawai-pegawai yang telah dilatih khusus untuk tujuan ini.

Bagi tahun 1977 ini, peruntukan bagi sekim ini ialah sebanyak \$36 juta dan peruntukan yang dipohon bagi tahun 1978 ialah sebanyak \$50 juta. Ini bermakna, peruntukan yang dipohon untuk tahun 1978 adalah melebihi peruntukan tahun 1977 sebanyak \$14 juta. Kelebihan ini adalah untuk menampung bukan sahaja penuntut-penuntut yang sedang menerima bantuan, samada di dalam atau di luar negeri, tetapi adalah juga untuk menampung bilangan biasiswa tambahan bagi tahun 1978 dan juga kadar kenaikan bayaran-bayaran pelajaran sama ada di universiti di dalam negara ini mahupun di universiti-universiti di luar negeri di mana penuntut-penuntut kita sedang berada.

Aktiviti Perkhidmatan Awam dan Pelajaran Daerah

Aktiviti ini memerlukan peruntukan sebanyak \$13,636,300. Aktiviti ini mempunyai dua tugas rancangan iaitu tugas Rancangan Perkhidmatan Awam dan tugas Rancangan Pelajaran Daerah. Peruntukan bagi Rancangan Perkhidmatan Awam adalah diperlukan untuk memberi bantuan kepada badan-badan dan persatuan-persatuan yang kegiatannya mempunyai kaitan dengan pelajaran. Bagi peruntukan Pelajaran Daerah pula peruntukannya adalah untuk memberi sumbangan berbentuk caruman kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau yang mana Malaysia menjadi salah sebuah negara ahli pertubuhan tersebut.

Akhir sekali, sejumlah \$2 juta adalah diperlukan bagi Belanja Pembangunan untuk projek bangunan percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Pengerusi, pecahan peruntukan yang diperlukan ada diperincikan dalam Buku Anggaran yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 37 tahun 1977.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Saya difahamkan Yang Berhormat Ahli dari Seremban hendak mengadakan suatu pindaan. Saya jemput Ahli Yang Berhormat bercakap dahulu.

3.20 ptg.

Dr. Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, mengikut Peraturan Mesyuarat 66 (8), saya mohon mencadangkan bahawa wang yang diuntukkan bagi Maksud Bekalan B. 29 dalam Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1978, Kertas Perintah No. 37/1977 dikurangkan sebanyak \$10 bagi Butiran (Kod) 1100 berkaitan dengan gaji Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Tuan Pengerusi, semuanya adalah tidak begitu baik dengan Kementerian Pelajaran terutama sekali dasar-dasarnya yang tidak mencerminkan dengan penuhnya harapan dan aspirasi ibubapa-ibubapa, guru-guru dan pendidik-pendidik. Dan ini telahpun diakui dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai pelajaran tidak lama dahulu untuk menerima aduan-aduan dari orang ramai dan menyiapkan satu laporan mengenai "findings" atau keputusannya.

Dan apabila saya bertanya satu soalan pada hari Khamis lalu iaitu pada 1hb Disember di mana saya telah bertanya samada Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar sebab utama terdapat pengaliran cerdikpandai dan exodus orang-orang profesional ialah kerana, rasa tidak puas hati serta kebimbangan mereka terhadap pelajaran anak-anak mereka, jawapan yang diberikan sangat memeranjatkan yakni sistem pelajaran sekarang mendapat sokongan mutlak orang ramai.

Jika sekiranya Menteri berkenaan rasa terdapat sokongan begitu mutlak, adakah beliau akan menganjurkan satu perjumpaan dengan para profesional ini dan meminta pendapat ikhlas mereka? Ramai diantara profesional-profesional ini telah menghabiskan beberapa tahun dalam berkhidmat kepada rakyat, ke-taatsetiaan mereka tidak boleh disoal dan

mereka ini akan dihadapi kemungkinan menghilang 'goodwill', pendapatan yang baik serta juga berhijrah ke negara lain dan menghadapi ketidaktentuan kesulitan di sana dan semua ini dibuat demi kepentingan pelajaran dan masa depan anak-anak mereka.

Jika tidak terdapat apa-apa kesilapan dengan sistem pelajaran kita mengapakah hampir semua orang Menteri, baik di peringkat pusat atau negeri, menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk mendapatkan pendidikan bukan sahaja mendapatkan pendidikan di peringkat kolej atau universiti bahkan di peringkat sekolah menengah dan rendah. Tiada seorang pun yang akan percaya bahawa di sebabkan sifat-sifat alturisma Menteri-menteri ini menghantar anak-anak mereka ke luar negeri supaya dapat memberi tempat kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu untuk melanjutkan pelajaran di seberang laut.

Jika sekiranya sistem pelajaran sekarang disukai ramai mengapakah beratus-ratus pelajar-pelajar dihantar ke luar negeri dengan biasiswa MARA setelah mereka mengambil peperiksaan MCE/SPM? Saya berani menyatakan di sini bahawa anak-anak Menteri dan pelajar-pelajar MARA di hantar ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran kerana kualiti pelajaran di luar negeri adalah lebih baik dan selalunya mereka ini kembali sebagai profesional-profesional dan pengurus-pengurus yang layak.

Tuan Pengerusi, bekas Perdana Menteri kita, Tunku Abdul Rahman, yang merupakan seorang "evergreen intellectual" telah melahirkan kebimbangan beliau dalam sistem pelajaran kita. Beliau juga telah mencadangkan supaya Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantaraan khususnya di institusi-institusi pelajaran tinggi. Saya fikir beliau tidak bermaksud bahawa Bahasa Malaysia digantikan tetapi rasa saya beliau mengesyorkan supaya pelajar-pelajar diberi peluang untuk menambahkan penguasaan Bahasa Inggeris dan memberikan mereka peluang mendapat

pengetahuan dan penerangan yang penting yang sedia terdapat di dalam teks Bahasa Inggeris.

Ibubapa-ibubapa dan pendidik-pendidik keturunan Cina dan Tamil sangat bimbang dengan peluang-peluang terhad yang ujud untuk mendapatkan pendidikan dalam bahasa di bawah sistem pelajaran sekarang. Mereka mahukan peluang-peluang yang ujud untuk mendapatkan pendidikan dalam bahasa di bawah sistem pelajaran sekarang. Mereka mahukan peluang-peluang yang lebih banyak dan permintaan mereka ini adalah munasabah dan sah serta dilindungi oleh Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan kegunaan bebas dan pelajaran bahasa ibunda oleh semua kaum di negara ini. Rasa kekecewaan dan kebimbangan mereka telahpun dicerminkan dalam memorandum-memorandum dan petisyen-petisyen yang dihantarkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Saya rasa kita tidak bolehlah berpuas hati akan diri sendiri dengan sistem pelajaran kita. Sistem pelajaran hendaklah lebih flexible dan responsive kepada zaman. Sistem pelajaran hendaklah disesuaikan mengikut kehendak-kehendak masyarakat berbilang bangsa. Jika sekiranya Menteri berkenaan meragui pandangan-pandangan pihak Pembangkang dan juga pandangan para pendidik yang arif serta juga pandangan bekas Perdana Menteri kita, kita mencabar beliau membawakan perkara ini kepada rakyat. Adakanlah satu pungutan suara (referendum) dan benarkan rakyat menyatakan pandangan-pandangan mereka. Rakyat akan menentukan samada perlu diadakan reformasi-reformasi dalam sistem pelajaran kita. Kita menuntut yang kita ini hidup dalam sebuah negara yang berdemokratik dan oleh demikian tidak patutlah sesiapa menentang seruan untuk mengadakan pungutan suara atau referendum ini.

Tuan Pengerusi, terdapat kelambatan dalam perkara menyediakan laporan Kabinet dan orang ramai kini tidak dapat bersabar

lagi. Laporan Kabinet mengenai Pelajaran hendaklah dibahas di Dewan ini. Adalah dikesalkan Menteri atau Timbalan Menteri hari itu telah berkata Laporan tersebut tidak ada dibentangkan di Dewan ini untuk dibahaskan. Di sini terdapat "double standards". Kerajaan tidak ragu-ragu membentangkan cadangan-cadangan Kabinet untuk kenaikan gaji di Dewan ini. Tetapi Kerajaan dengan tiba-tiba merasa malu pula dan hendak menafikan Dewan ini dari mengadakan perbincangan yang penuh dan ikhlas ke atas laporan tersebut. Sebab mengapa Kerajaan enggan membuat demikian adalah nyata. Menteri-menteri yang tidak mempunyai keyakinan dalam diri mereka sendiri berkurangan conviction untuk membela sistem pelajaran kita. Ini adalah dikesalkan. Demi kepentingan rakyat, Laporan tersebut hendaklah dibahas dengan terbuka dan menyeluruh di Parlimen.

Tuan Pengerusi, pada tahun ini sahaja hampir 26,000 orang pelajar telah memohon untuk belajar di universiti-universiti tempatan dan hanya beberapa ribu dari pelajar-pelajar ini yang telah berjaya. Lebih kurang 20,000 pelajar-pelajar telah ditolak permohonan mereka. Ini adalah satu keadaan yang tidak baik.

Di antara 20,000 pelajar-pelajar yang gagal memasuki universiti-universiti tempatan, cuma sebilangan kecil dari mereka berjaya melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri dan mereka ini pergi ke luar negeri dengan memperolehi biasiswa-biasiswa ataupun dengan perbelanjaan ibubapa mereka sendiri yang telah menjimatkan wang untuk beberapa tahun ini. Pelajar-pelajar ini adalah bernasib baik. Inilah orang yang dikatakan the lucky few.

Tuan Pengerusi, pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ini akan putus harapan bukan kerana mereka tidak mempunyai kelayakan yang dikehendaki tetapi oleh kerana mereka tidak mampu dan tidak berpeluang melanjutkan pelajaran. Bagi

mereka ini, ini akan merupakan trajidi peribadi kerana mereka telah bersiap dan bekerja kuat untuk selama 13 tahun di peringkat sekolah rendah dan menengah. Ibubapa-ibubapa mereka akan merasakan lebih lagi kehilangan peluang pelajaran anak-anak mereka.

Tuan Pengerusi, perkara ini juga akan merupakan satu trajidi kebangsaan kerana tenaga rakyat yang bernilai tidak dapat dilatih dengan penuhnya untuk berkhidmat kepada mereka. Adalah amat sedih untuk melihat pembaziran tenaga rakyat yang berpotensi dan ini pada anggapan saya adalah lebih penting dari sumber-sumber alam semulajadi yang negara kita mempunyai.

Apa yang amat mendukacitakan ialah kelihatan sikap tidak peduli Kerajaan terhadap masa depan 20,000 orang pelajar ini. Hasil dari siasatan yang dilakukan, nampaknya tiada apa-apa badan khas Kerajaan yang ditubuhkan untuk mendapatkan pelajar-pelajar ini tempat di kolej-kolej atau universiti-universiti di seberang laut. Adalah disahkan bahawa terdapat tempat untuk mengambil atau menampung semua 20,000 pelajar-pelajar ini asalkan terdapat kewangan. Memang inisiatif patut diambil untuk memberikan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar ini dalam bentuk pinjaman atau gran. Dengan begitu banyak wang yang dibelanjakan untuk membeli item-item yang kurang mustahak seperti peluru-peluru berpandu dan kapal-kapal berpandu peluru adalah amat sukar untuk percaya bahawa wang sebanyak lebih kurang seratus juta ringgit tidak boleh didapati untuk membantu pelajar-pelajar miskin untuk melanjutkan pelajaran mereka. Bantuan kewangan ini boleh dibayar balik selepas pelajar-pelajar ini tamat pelajaran dan mula bekerja. Ini adalah satu pelaburan yang akan mendatangkan keuntungan seratus kaliganda dalam masa akan datang.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran juga telah berkata bukan-

lah menjadi tujuan untuk menempatkan semua pelajar-pelajar yang layak di universiti-universiti kerana takut akan terdapat kelebihan siswazah-siswazah. Mungkin akan terdapat kelebihan siswazah-siswazah yang memiliki ijazah-ijazah akademik tetapi keadaan yang ujud di negara sekarang ialah kita sedang menghadapi kekurangan profesional-profesional dan teknokrat-teknokrat (Technical Assistant) untuk mengendalikan kilang-kilang dan mempergunakan sumber-sumber alam semulajadi negara kita.

Dalam pada ini saya menggesa Menteri berkenaan supaya menubuhkan kolej-kolej politeknik untuk melatih lebih ramai lagi profesional-profesional dan teknologis-teknologis — orang yang boleh mencipta dan membuat product untuk membantu masyarakat serta dijual di luar negeri. Instituit Teknologi MARA adalah terhad hanya untuk orang-orang Melayu. Orang-orang bukan Melayu tidak ada apa-apa kolej atau politeknik untuk melanjutkan pelajaran mereka. Jurang ini hendaklah dipenuhi dan saya berharap Menteri Pelajaran akan mengambil ingatan cadangan ini dengan seberapa segera yang boleh dan melaksanakannya dengan segera kerana pelajar-pelajar baru akan mencari tempat untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam beberapa bulan nanti.

Tuan Pengerusi, pada tahun ini di antara lebih kurang 6,000 pelajar-pelajar telah diambil masuk ke dalam universiti-universiti tempatan dan hanya 25% tempat diberikan kepada pelajar-pelajar bukan Melayu. Ini mewakili atau mencerminkan negara kita yang berbilang bangsa. Pengambilan sebanyak 45% pelajar-pelajar bukan Melayu boleh dianggap sebagai satu angka yang adil, maka saya berharap Menteri Pelajaran akan mengubah ilmu hisab beliau itu supaya pengambilan pelajar-pelajar ke dalam universiti-universiti akan mencerminkan masyarakat berbilang bangsa negara kita.

Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran telah mengambil kira pelajar-pelajar yang sedang belajar di luar negeri untuk memperkuatkan tuntutan beliau bahawa pengambilan pelajar-pelajar ke dalam universiti-universiti tempatan “mencerminkan masyarakat berbilang bangsa”. Pelajar-pelajar kita yang dihantarkan melanjutkan pelajaran mereka di seberang laut berpeluang berbuat demikian kerana pengorbanan peribadi dan jimat-cermat ibubapa-ibubapa mereka. Untuk mengambil kira pelajar-pelajar yang belajar di luar negeri adalah tidak adil sama sekali kepada pelajar-pelajar bukan Melayu kerana ibubapa-ibubapa mereka menghadapi kesukaran untuk memberikan mereka bantuan kewangan. Jika pengiraan Menteri Pelajaran termasuk semua pelajar-pelajar yang belajar di luar negeri maka Menteri berkenaan hendaklah bertanggungjawab untuk mendapatkan tempat dan wang untuk membantu semua pelajar-pelajar yang tidak berjaya memasuki universiti-universiti tempatan. Tuan Pengerusi, saya menggesa Menteri berkenaan untuk memperuntukkan sebanyak 45% tempat-tempat di universiti-universiti tempatan dalam masa akan datang dan juga memulakan satu tabung pusingan untuk membiayai pelajar-pelajar yang layak yang ingin belajar di luar negeri.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusi Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, dalam tahun-tahun awal selepas penubuhan Fakulti Perubatan Universiti Malaya, fakulti tersebut telah mendapat pujian dari seluruh dunia kerana taraf pengajian dan rawatan pesakitnya yang tinggi. Majlis Am Perubatan atau The General Medical Council (GMC) telah mengiktirafkan ijazah-ijazah perubatan tanpa syarat. Tetapi, laporan yang dibuat pada bulan Januari tahun ini oleh sebuah jawatankuasa yang ditugaskan oleh General Medical Council untuk menyiasat syarat-syarat dan taraf pengajian di Fakulti Perubatan tersebut adalah amat mengecewakan. GMC telah memperakukan bahawa ia hanya akan mengiktirafkan ijazah

MBBS Malaya tetapi hanya untuk tempoh lima tahun sahaja. Syarat tempoh lima tahun ini dikenakan kerana jawatankuasa tersebut terkejut dengan kekurangan kakitangan pengajian yang layak di Fakulti Perubatan. Separuh dari jawatan-jawatan untuk profesor belum dipenuhi; satu pertiga jawatan-jawatan akademik yang lain belum dipenuhi lagi dan kesan buruk dalam penurunan taraf pengajian adalah sangat ketara. Taraf rawatan pesakit telah merosot. Taraf penyelidikan (research) pun telah merosot kerana kakitangan-kakitangan yang baki tidak mempunyai masa untuk membuat penyelidikan dan satu lagi observation yang sangat sedih ialah makmal-makmal penyelidikan yang moden dan besar di Fakulti Perubatan Universiti Malaya sunyi (quiet) dan tiada apa-apa tanda aktiviti.

Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri Pelajaran ketika menjawab satu pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi telah berkata bahawa adalah tidak selalunya baik untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa untuk ijazah perubatan yang diberikan oleh universiti tersebut, beliau juga telah berkata Kementerian beliau tidak akan mengambil apa-apa langkah untuk menentukan bahawa ijazah perubatan masih akan diiktirafkan sehingga pihak Majlis Universiti telah mengkaji laporan tersebut dan membuat perakuannya. Ini adalah mengejutkan kerana laporan tersebut telahpun berada dalam tangan Majlis Universiti sekurang-kurangnya tujuh bulan. Adalah nyata terdapat ke-lambatan yang begitu panjang dalam melaksanakan perakuan-perakuan yang dibuat oleh jawatankuasa yang ditaja oleh General Medical Council. Dan memandangkan kepada apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Pelajaran kini orang ramai meragui samada terdapat kemahuan untuk meninggi serta memelihara taraf pengajian yang akan diiktirafkan di seluruh dunia.

Biarkan saya memberi amaran bahawa “scorning” pengiktirafan antarabangsa adalah satu langkah yang merbahaya dan

akan melemahkan semangat dan mengakibatkan "shock waves" yang buruk di dalam perkhidmatan perubatan serta dalam bidang kedoktoran di negara ini. Sesebuah negara hendaklah maju ke hadapan dan bukan mundur ke belakang. Demikian juga dengan perkhidmatan perubatan yang sepatutnya maju tahun demi setahun demi kepentingan rakyat. Seperti dikatakan oleh saya sebentar tadi, seluruh negara menganggap Fakulti Perubatan Universiti Malaya sebagai sumber kemajuan perubatan dan kesihatan dan imej taraf pengajian yang tinggi dan sumber inspirasinya akan bergantung kepada kualiti profesor-profesor dan kakitangan akademiknya dan samada mereka ini mempunyai kelayakan yang dikehendaki untuk memenuhi kehendak-kehendak pengajian sebuah Fakulti Perubatan yang tinggi taraf pengajiannya. Saya berani berkata di sini bahawa jikalau Majlis Am Perubatan (GMC) menarik balik pengiktirafannya maka akanlah menjadi amat sukar bagi kita untuk menarik profesor-profesor dan pensyarah-pensyarah yang berpelajaran tinggi untuk menjalankan latihan perubatan yang baik dan membuat penyelidikan yang perlu dan relevant untuk meninggikan taraf kesihatan rakyat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, berapa panjang lagi?

Dr. Chen Man Hin: Sedikit lagi, lebih kurang 5-10 minit.

Tuan Pengerusi: Tumpukan kepada alasan-alasan mengapa pindaan ini patut dijalankan.

Dr. Chen Man Hin: Ini ada timbul dalam tanggungjawabnya.

Tuan Pengerusi: Bidang pelajaran ini luas, boleh dicakapkan satu hari di sini. Sentuh secara langsung sahaja.

Dr. Chen Man Hin: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Secara langsung sahaja disentuh. Bidang ini sangat luas.

Dr. Chen Man Hin: Saya akan sentuh perkara yang tepat.

Tuan Pengerusi, saya menyeru Menteri berkenaan supaya menentang tekanan-tekanan politik yang menyeru beliau supaya "to scorn" pengiktirafan antarabangsa tetapi sebaliknya menubuhkan sebuah jawatankuasa siasatan untuk siasat apa dan siapa yang mengakibatkan kemerosotan dalam taraf Fakulti Perubatan kita dan juga melaksanakan dengan seberapa segera yang boleh perakuan-perakuan yang dibuat oleh Majlis Am Perubatan (GMC).

Tuan Pengerusi, berkenaan hak-hak di dalam tangan Naib Canselor. Naib Canselor Universiti-universiti pada awalnya dilantik oleh Majlis Universiti tetapi ini sekarang telah pun ditukar. Sekarang beliau dilantik secara langsung oleh Menteri berkenaan dan beliau juga diberi kuasa yang meluas.

Di Universiti Malaya, Naib Canselor sekarang menjadi "Lord of the Domain" dan tiada seorangpun dalam kampus yang berani menentang pandangan-pandangan beliau itu. Nasihat-nasihat yang diberikan oleh profesor-profesor tidak diterima. Perlantikan yang dilakukan secara sewenang-wenang untuk memenuhi Jawatan Dekan atau Ketua sesuatu jabatan dibuat tanpa berunding terlebih dahulu dengan kakitangan-kakitangan kanan dan yang berpengalaman bukan sahaja mendatangkan "heartburns" kepada pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor yang berdedikasi tetapi juga mengakibatkan mereka meletak jawatan. Pengaliran cerdik-pandai masih keterusan dan sebab itulah terdapat begitu banyak jawatan di universiti tersebut yang masih belum dipenuhi dan ini pula mengakibatkan kemerosotan dalam taraf pengajian di Fakulti Perubatan Universiti tersebut.

Ada lagi satu contoh, Tuan Pengerusi, iaitu di Universiti Teknologi Malaysia di mana Naib Canselornya telah mewajibkan semua siswazah-siswazah memakai satu jenis pakaian

sahaja untuk upacara konvokesyen. Beberapa orang siswazah telah memulakan upacara konvokesyen tersebut akibat "hardliner" Naib Canselor berkenaan. Apakah Naib Canselor itu tidak sedar yang Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, satu hakikat yang selalu dititikberatkan oleh Perdana Menteri kita. Dalam sebuah negara berbilang bangsa mestilah ada sifat-sifat toleransi dan persefahaman tentang kebudayaan dan nilai sesuatu kaum. Siapakah "tin-god" Naib Canselor ini yang telah menganggap bahawa beliaulah yang mempunyai hak untuk menentukan apa jenis pakaian yang patut dipakai di sesuatu majlis rasmi. Adalah memadai jika seseorang siswazah memakai pakaian yang "decent" yang mengikut aturan. Saya menggesa Menteri Pelajaran siasat perkara ini dan mengambil tindakan disiplin ke atas Naib Canselor berkenaan.

Tuan Pengerusi, akhirnya laporan-laporan yang mengatakan bahawa peraturan-peraturan baru akan dirangka untuk menguatkuasakan disiplin di kalangan kakitangan akademik telah menimbulkan kebimbangan dan kesedihan di antara pensyarah-pensyarah universiti.

Suatu di antara peraturan-peraturan tersebut mencadangkan bahawa semua kakitangan pengajian dilarang berucap dikhalayak ramai mengenai issue-issue yang kontroversial. Satu lagi peraturan menghalang mereka dari menulis surat atau memberi interview-interview kepada pihak akhbar. Percubaan-percubaan ini adalah nyata bertujuan untuk mengikat kebebasan (independence) berucap para pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor di universiti-universiti kita.

Universiti adalah satu pusat untuk pelajaran dan penciptaan idea-idea baru serta juga merupakan tempat untuk melatih pemimpin-pemimpin negara yang boleh berfikir dan memimpin negara dalam masa akan datang. Peraturan-peraturan baru ini akan membahayakan konsep ini nanti.

Di masyarakat-masyarakat yang 'enlightened' yang lain, profesor-profesor dipelawa memberikan pendapat-pendapat mereka mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh negara serta juga diminta membantu membuatkan rumusan-rumusan yang boleh mendatangkan penyelesaian yang wajar terhadap masalah-masalah tersebut. Jika profesor-profesor yang berintelektual itu dinafikan hak untuk berucap dikhalayak rakyat, maka akan terdapat kekosongan dalam stimulasi intellectual terhadap masyarakat.

Terdapat kemungkinan besar yang profesor-profesor dan para akademik akan meletak jawatan. Maka kampus universiti-universiti akan menjadi mandul secara intellectual dan masyarakat akan merasa yang ia telah dinafikan keintelektualan ini dan masyarakat kita akan mula menggelungsur ke suatu zaman yang gelap.

Tuan Pengerusi, pelajaran adalah satu perkara yang penting kerana jika pelajaran digunakan dengan baik ianya boleh menjadi satu tenaga yang menyatupadukan dan menggembelinkan tenaga untuk kebaikan negara. Pelajaran adalah satu perkara kompleks dan issue-issue yang saya bangkitkan tadi menimbulkan keraguan samada dasar-dasar dan pentadbiran pelajaran di negara mengikut jalan yang betul. Saya berpendapat bahawa sebuah jawatankuasa tetap Parlimen mengenai pelajaran ditubuhkan untuk menyelia kemajuan pelajaran di negara kita untuk memastikan bahawa sumber-sumber tenaga rakyat digunakan dengan sepenuhnya, juga untuk memastikan bahawa kewarisan kebudayaan berbilang bangsa dipelihara dan juga jawatankuasa ini hendaklah mencari jalan untuk memberikan peluang-peluang pelajaran untuk semua pemuda-pemudi yang ingin meninggikan taraf mereka melalui pelajaran yang lebih tinggi.

Jawatankuasa ini hendaklah mewakili dan mencerminkan semua parti-parti politik yang mempunyai wakilnya di Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya sokong.

Tuan Pengerusi: Tidak payah sokong. Dalam jawatankuasa tidak payah sokong.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak sokong.

Tuan Pengerusi: Tidak payah!

Tuan Lim Kit Siang: Satu usul hendak memotong gaji....

Tuan Pengerusi: Dalam Jawatankuasa tidak payah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak berucap.

Tuan Pengerusi: Kalau hendak berucap, bolehlah. Sokong tidak perlu.

3.50 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya berdiri di sini untuk menyokong usul rakan saya dari Seremban yang bertujuan memotong gaji Yang Amat Berhormat Menteri sebanyak \$10 oleh kerana pelajaran di negara kita sudah menjadi satu faktor yang besar yang memecah-belahkan perpaduan rakyat jelata dan terdapat tiga sebab utama yang menimbulkan masalaah-masalaah pelajaran.

Yang pertama ialah berkenaan mutu pelajaran yang sedang merosot baik pun dari peringkat sekolah rendah atau menengah atau di peringkat universiti. Dan bukti ini boleh dilihat daripada tindakan-tindakan Yang Berhormat Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sendiri yang menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran baik pun untuk mendapatkan pelajaran menengah atau pelajaran rendah. Dan jikalau bukti lagi diperlukan kita boleh sebut atau refer kepada per-

aturan atau ruling yang dibuatkan oleh United Kingdom General Medical Council yang mewajibkan Fakulti Perubatan di Universiti Malaya menghantar setiap tahun satu laporan untuk memuaskan hati General Council United Kingdom tentang taraf antarabangsa ijazah MBBS yang dikeluarkan oleh Fakulti Perubatan Universiti Malaya.

Dan sebenarnya, kita sedang menghadapi satu keadaan di mana dalam tempoh lima tahun lagi, ijazah-ijazah MBBS tidak akan diiktirafkan oleh the United Kingdom General Medical Council. Apabila saya mula-mula bangkitkan perkara ini dalam bulan Ogos lalu, pihak universiti telah menafikan perkara ini dan apabila pada awal sidang Dewan ini saya kemukakan perkara ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menafikan tentang perkara ini sungguhpun selepas itu beliau tidak menafikan dan cuba mengelak.

Untuk makluman Dewan ini dan untuk maklumat Tuan Pengerusi di bulan Jun tahun ini satu rombongan tiga orang telah dihantar oleh General Medical Council, United Kingdom ke Malaysia untuk menyiasat taraf ijazah MBBS yang dikeluarkan oleh Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan rombongan ini dianggotai oleh Sir Robert Wright, Professor D.R. Wood and Professor W.I.N. Kessel. Mereka berjumpa bukan sahaja pegawai-pegawai dan orang-orang yang bertanggungjawab dalam Universiti Malaya tetapi juga pemimpin-pemimpin Kerajaan dan mereka telah membuat satu laporan selepas lawatan itu dan laporan ini adalah sangat adverse, sangat tidak beruntung tentang taraf-taraf akademik di Fakulti Perubatan.

Dengan izin, saya hendak petik satu perenggan mengenai laporan-laporan mereka untuk menunjukkan bagaimana serius kemerosotan taraf akademik yang sedang dihadapi.

Tuan Pengerusi: Itu tidak perlu sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, kita bukan sahaja diminta meluluskan berjuta-juta ringgit....

Tuan Pengerusi: Sabar-sabar! Sekarang Ahli Yang Berhormat bercakap atas pindaan bukan? Tetapi bercakap atas

Tuan Lim Kit Siang: Ya, untuk memberi hujjah-hujjah untuk menyokong kenapa gaji Yang Berhormat Menteri perlu dipotong sebanyak \$10.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat boleh bercakap apabila membincangkan tajuk-tajuk dan butiran-butiran di dalam B. 29.

Tuan Lim Kit Siang: Itu lain kali, Tuan Pengerusi, tetapi saya minta izin oleh kerana saya mahu memberikan butir-butir lanjut kenapa rakan saya dan saya sendiri berdiri untuk menyokong satu usul atau satu pindaan yang sangat serius dan kita tidak berdiri di sini untuk meringankan atau "make light of the fact" dengan mengemukakan satu usul pindaan.

Tuan Pengerusi: Siapa suruh ringan-ringan. Tidak ada siapa suruh ringan.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu saya minta peluang untuk memberi hujjah-hujjah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Hujjah di dalam masa membincangkan Kepala B. 29; pada masa itu boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau saya ada peluang, saya akan balik kepada perkara itu. Tetapi di sini saya pun mahu minta izin untuk mengeluarkan pendapat saya mengapa kita perlu potong gaji Menteri Pelajaran sebanyak \$10.00. Kalau kita tidak boleh diberi peluang untuk ketengahankan sebab-sebab....

Tuan Pengerusi: Saya tidak melarang untuk memberi alasan-alasan tetapi alasan-alasan yang tepat, kerana kita ini dalam Jawatankuasa, bukan sidang sebagai majlis-majlis penuh. Sila!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya minta izin oleh kerana ini satu perkara yang sangat mustahak oleh kerana kita di sini mahu tahu, rakyat pun berhak untuk mengetahui kenapa satu institusi pengajian tinggi boleh dianggap oleh sebuah badan luar negeri yang kita hargai bahawa taraf ijazah-ijazah kita sudah merosot.

Tuan Pengerusi, dalam laporan ini mengenai kajian yang dibuat ada dikatakan "The Faculty faces"

Tuan Pengerusi: Nanti-nanti! Sudah dapat izinkah? Saya belum berikan izin lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta izin baca laporan itu.

Tuan Pengerusi: Berapa panjang?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak berapa panjang hanya lima paragraph sahaja.

Tuan Pengerusi: Lima paragraph? Lima paragraph tidak boleh! Ambil yang penting sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

"The Faculty faces immediate problems in relation to the recruitment and retention of sufficient numbers of trained academic staff. The university has not been ungenerous in establishing a full range of academic posts in all the necessary disciplines.

"However, resignation of senior and intermediate teaching staff has become increasingly ominous over recent years and months and has now reached serious proportions. Only a few of the Faculty's own medical graduates have yet attained academic status. At the time of our visit, over half the professional headships of departments and a third of the other established academic posts were vacant.

"The proportion of vacancies in some departments, particularly the departments

of Pathology, Radiology and Social Medicine and Public Health, must now be regarded as critical.

“It was not our function to inquire closely into the causes of this situation, but in general it appears to have arisen from a failure by the University to provide conditions in which the academic staff can derive a sufficient degree of job satisfaction. The establishment of a second medical school in Kuala Lumpur by the National University of Malaysia, which must compete with the University of Malaya for the services of limited numbers of trained medical teachers, may have been an exacerbating factor.

“The detrimental effects of the reduction in the numbers of academic staff are apparent. As staff numbers have decreased, standards of patient care and of laboratory and diagnostic services have had to be maintained within the University Hospital, and the standard of teaching by departments with service commitments has inevitably suffered. Many of the present clinical staff are young, and are required to undertake heavy responsibilities after a minimum experience. Staff appointed....”

Tuan Pengerusi: Itu sudah berapa paragraph?

Tuan Lim Kit Siang: Dua paragraph.

Tuan Pengerusi: Baru dua paragraph? Sampai setakat itu sudahlah, cukuplah!

Tuan Lim Kit Siang: Lagi sedikit.

Tuan Pengerusi: Cukuplah. Ini semua boleh dibaca. Sebutkan dari laporan mana, orang boleh baca.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, kalau Yang Amat Berhormat Menteri boleh memberikan satu jaminan bahawa beliau akan publish laporan ini, tidak payah saya bagi saya untuk membaca laporan ini. Sebab kita

mahu Dewan Parlimen ini ialah kenyataan-kenyataan yang sungguhpun unpleasant, kita mesti berani menghadapi.

Tuan Pengerusi: Ya, itu teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak faham mengapa di Dewan ini kita tidak boleh membincangkan masalah-masalah nasional yang melibatkan perbelanjaan berpuluh-puluh juta ringgit.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh bercakap panjang tetapi kalau ambil quotation panjang-panjang tak usah.

Tuan Lim Kit Siang: Itu quotation adalah dari satu kajian yang dibuat oleh satu mission.

Tuan Pengerusi: Saya faham sudah cukuplah itu. Yang Berhormat kalau hendak bercakap lagi, boleh cakap, tetapi quotation tidak perlu lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya tidak akan baca lagi, tetapi saya akan paraphrase dalam ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam laporan ini telah dikatakan bahawa kalau kakitangan-kakitangan yang dilantik dalam rancangan melatih academic staff dengan menggunakan tutor-tutor sahaja tidak boleh dianggap sebagai satu penggantian yang sesuai untuk menggantikan guru-guru perubatan yang ada berkecukupan. Dengan sebab itu adalah berlaku keadaan di mana semua kemudahan-kemudahan laboratories tidak digunakan oleh kerana kekurangan kakitangan-kakitangan yang terpaksa menjalankan tugas-tugas perkhidmatan diagnostic di Universiti Hospital. Dengan sebab itu tugas mereka untuk mengajar pelajar-pelajar dipanggil “kangarooing”. Oleh sebab itu telah berlaku perkara seperti disebut dalam laporan ini, satu perkara yang sangat saddening untuk melihat “unattended benches” di dalam laboratories

yang disifatkan well appointed and spacious. Kita berbelanja berjuta-juta ringgit untuk laboratories, tetapi semua dikosongkan dan laporan ini pun ada mengatakan bahawa tindakan yang segera dan bertekad (determined) mesti diambil untuk mengatasi keadaan ini kalau kita tidak mahu taraf akademik kita merosot.

Tuan Pengerusi, ini cuma satu bab dalam laporan tersebut dan ada lain-lain bab yang jika dibaca mungkin tidak seronok, tetapi seronok atau tidak seronok Yang Berhormat Menteri mesti ambil perhatian dalam perkara ini kerana apa yang terlibat ialah masa depan setiap rakyat Malaysia dan apa yang mustahak sekali dalam laporan tersebut ialah di perenggan akhirnya yang mengatakan sungguhpun nampaknya sekarang taraf akademik kita tidak adil dan kita tidak mahu chop atau menggunakan perenggan-perenggan yang tidak baik dan tidak mahu menggunakan perenggan yang tidak adil, kita bersikap fair.

Tuan Pengerusi, sungguhpun mission ini atau rombongan ini nampak bahawa pada masa sekarang ada peruntukan-peruntukan di mana taraf yang tinggi boleh dimaintain tetapi sangat improbable bahawa mutu sekarang boleh dimaintain kecuali jika tindakan-tindakan segera yang diambil seperti mengatakan (recruit) dan boleh retain guru-guru perubatan yang baik di peringkat intermediate dan senior. Apabila perkara ini berkali-kali dikemukakan dalam masa soal-jawab, akhirnya ini Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata ada baiknya kalau ijazah-ijazah MBBS kita tidak diiktirafkan oleh United Kingdom General Medical Council. Dan nampaknya sekarang pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan Kerajaan mempunyai satu sikap di mana mereka mahu orang ramai berfikir, baiklah kalau degree-degree kita tidak diakui di peringkat antarabangsa oleh kerana kita boleh tahan doktor-doktor emigrate ke luar negeri. Adakah ini benar? Kalau ini benar kenapa Fakulti Perubatan dan Kerajaan menerima satu syarat yang sangat

humiliating oleh United Kingdom General Medical Council iaitu setiap tahun mesti menghantar satu laporan mengenai pensyarah-pensyarah, latar belakang pensyarah-pensyarah, mahu tahu samada pensyarah-pensyarah ada kelayakan atau tidak dan lain-lain syarat. Kalau itu tidak mustahak, janganlah itu dijadikan satu perkara humiliating tidak mahu terima, dan kalau begitu, saya mahu bertanya dan kita tahu Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan sekarang sedang cuba memohon pengiktirafan oleh United Kingdom General Medical Council untuk menunjukkan bahawa taraf medical di Universiti Kebangsaan di Fakulti yang baru, ada taraf antarabangsa. Tetapi di sini kita akan hilang pengiktirafan yang ada dan Menteri yang bertanggungjawab berkata perkara ini tidak mustahak dan itu lebih baik kerana beruntung. Saya rasa fikiran semacam ini menunjukkan orang-orang yang bertanggungjawab di atas tugas pelajaran, fikiran sempit, fikiran cetek, yang sebenarnya tidak layak menguruskan satu portfolio yang begitu mustahak dan mungkin sebab itulah abangnya sendiripun emigrate dan menutup kelinik-kliniknya sendiri.

Tuan Pengerusi, kalau kita mahu maintain taraf universiti kita, kita mesti boleh mengadakan guru-guru atau pensyarah-pensyarah yang bermutu tinggi dan boleh mengekalkan mereka. Tetapi nampaknya daripada tindakan-tindakan yang diambil samada oleh pihak Kementerian Pelajaran atau universiti-universiti berkenaan, tujuan mereka tidak begitu berminat boleh retain pensyarah-pensyarah dan kakitangan-kakitangan akademik yang bermutu tinggi. Saya sebut peraturan-peraturan yang sedang dibuat untuk dibawa ke University College Act yang akan menjaga disiplin di Universiti-universiti di mana matlamat akhirnya ialah menjadi pensyarah-pensyarah atau intellectual community kita sebagai intellectual eunuchs sahaja. Kita mesti faham satu lagi perkara ialah tujuan pelajaran iaitu kita mesti mahu anak-anak kita dan warganegara kita boleh menjadi warganegara yang boleh berfikir dan

bukan sahaja conform kepada apa yang ditetapkan oleh sesiapa. Tetapi boleh berfikir, boleh soal, boleh kritik untuk kebaikan negara kita dan peranan-peranan intellectual community selama-lamanya ialah memainkan satu peranan di mana untuk menyoalkan, membahaskan semua pendirian-pendirian, dasar-dasar premise-premise yang diterima untuk ditengok baikpun kita boleh memperbaiki, boleh maju. Dalam negara kita, kita tidak boleh kata bahawa intellectual kita sangat outspoken, bukan oleh kerana mereka tidak ada fikiran-fikiran yang baik, tetapi mereka takut dimarah oleh Kerajaan. Kalau ada peraturan-peraturan ini beberapa orang sahaja sekarang yang berani outspoken critic, bukan oleh kerana mereka tidak taat setia kepada negara, tetapi oleh kerana mereka cinta negara kita, inipun tidak ada dan akhirnya mutu pelajaran kita akan merosot, orang baik akan keluar, orang baik akan emigrate dan inilah akan jadi satu trajidi untuk negara.

Tuan Pengerusi, sebab kedua mengenai kenapa pelajaran sudah jadi satu unsur pecah-belah di negara kita. Ini ialah oleh kerana dari satu tahun ke satu tahun peluang-peluang untuk anak-anak kita belajar di peringkat universiti atau higher education lebih singkat.

Kita tahu untuk tahun ini bahawa ada 25,998 orang yang memohon untuk tempat-tempat di universiti-universiti, kursus-kursus diploma dan degree di kelima-lima universiti dan antara mereka baru 5,953 yang berjaya dan antara mereka 4,457 orang Melayu, 1,187 orang Cina, 266 orang India dan 43 lain-lain. Itupun lagi sebab kenapa ada berbangkit mass emigration orang-orang profesional keluar negeri oleh kerana mereka bimbang dan tidak percaya mengenai peluang pelajaran anak-anak mereka. Kita tidak boleh kata mereka, kalau mahu buat begitu keluarlah, kita tidak mahu simpan mereka, tetapi ini satu kenyataan yang kita tidak boleh tutup mata kita.

Tuan Pengerusi, adalah perlu untuk tambah dengan serta-merta peluang-peluang untuk rakyat kita mendapat pelajaran yang

tinggi di mana mereka boleh melanjutkan pelajaran di tanah air sendiri dan sebab-sebab bahawa ada pelajar-pelajar khasnya bukan Melayu melanjutkan pelajaran di luar negeri bukan satu sebab yang boleh diterima, mungkin boleh diterima oleh rakan-rakan beliau dalam MCA, tetapi bukan boleh diterima oleh rakyat jelata, khasnya dalam dua tiga tahun atau tiga empat tahun lagi apabila semua pelajar-pelajar kita ambil peperiksaan baikpun Tingkatan III atau Tingkatan atas, Tingkatan V dan ambil Tingkatan VI dalam aliran Bahasa Melayu, peluang mereka untuk pergi luar negeri melanjutkan pelajaran tinggi akan tertutup oleh kerana pencapaian mereka dalam Bahasa Inggeris akan merosot lagi dan inilah satu jalan akhirpun akan hilang. Sebab itu sangat mustahak kita meneliti perkara ini di mana kita boleh menambah peluang-peluang pelajaran tinggi dalam tanah air kita untuk anak-anak kita dengan tambah politeknik-politeknik, universiti-universiti dan membenarkan penubuhan universiti-universiti persendirian seperti Merdeka Universiti.

Sebab ketiga, Tuan Pengerusi, kenapa pelajaran sudah jadi satu sebab memecah-belahkan rakyat ialah keraguan-keraguan di kalangan orang Malaysia mengenai pelajaran ibunda. Fasal 152 dalam Perlembagaan Malaysia ada menjamin bahawa pelajaran ibunda diteruskan bukan sahaja dalam diajar dan dipelajari tetapi pun dalam kegunaan, ertinya ialah sebagai satu bahasa pengantar dalam institusi-institusi pelajaran. Tetapi tahun demi tahun, bulan demi bulan, minggu demi minggu, dasar-dasar dan tindakan-tindakan Kerajaan menunjukkan berbagai precarious pelajaran ibunda di tanah air kita. Satu contoh sahaja boleh mencukupi menunjukkan ialah bagaimana pihak Kerajaan enggan membina sekolah-sekolah kebangsaan jenis Cina dalam tempat-tempat di mana ada murid-murid yang banyak, khasnya di Petaling Jaya di mana bukan sahaja satu sekolah tetapi dua sekolah perlu dibina untuk mengisikan harapan-harapan dan keperluan-keperluan ibubapa-ibubapa di Petaling Jaya

hantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah kebangsaan jenis Cina. Dan dalam tahun ini ada berlaku banyak perkara-perkara yang menunjukkan kedudukan Lembaga Pengurus khasnya di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dilemahkan, dierodekan, khasnya dalam pengumuman yang baru-baru ini bahawa dasar baru Kerajaan ialah tidak membenarkan Board of Governors dalam sekolah-sekolah Cina yang baru.

Tuan Pengerusi, ketiga-tiga masaalah ini kalau tidak diatasi dengan segera dan satu sense of statesmanship akan mencegah satu pengwujudan rakyat Malaysia yang bersatu-padu.

Selepas pilihanraya besar tahun 1974 kita dapat tahu ada satu Cabinet Committee ditubuhkan di bawah Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk siasat, kaji semua segi pelaksanaan dasar-dasar pelajaran. Mula-mulanya kita diberi jaminan bahawa dalam tempoh 6 bulan akan keluar satu laporan tetapi tiga tahun sudah lepas dan saya dapat tahu laporan tidak ada dikeluarkan sehingga selepas pilihanraya besar yang akan datang dan mungkin ucapan-ucapan tadi adalah satu ucapan yang adil untuk Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Tuan Pengerusi, masaalah pelajaran bukan satu masaalah boleh ditunggu sampai pilihanraya besar diadakan, masaalah pelajaran ini satu masaalah kebangsaan dan dekat menjadi satu masaalah national crisis dan tidak boleh ditinggalkan dalam tangan orang-orang politik sahaja. Di sini saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bolehimbang mengadakan satu Suruhanjaya Di Raja untuk siasat semua segi pelajaran dan diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pertama, Tunku Abdul Rahman di mana semua segi pelajaran khasnya tiga aspek pelajaran yang saya sebutkan tadi boleh dikaji dengan teliti untuk memupuk dan menjamin perpaduan kebangsaan dan ini tidak akan bererti bahawa kerja-kerja Mahathir Cabinet Committee akan sia-sia oleh kerana

semua memorandum, semua research yang ada boleh diserahkan kepada Royal Commission ini dan saya harap bahawa ini satu Suruhanjaya boleh terdiri daripada semua cross-section rakyat jelata dan bukan satu golongan ahli-ahli politik di mana laporan baru sesuai parti-parti politik tetapi ini satu masaalah kebangsaan, satu masaalah nasional dan semua cross-section pemimpin-pemimpin semua parti, semua walks of life boleh ambil bahagian.

Dengan ini saya sokong usul pindaan dan saya berharap bahawa cadangan akan saya bawa ada satu Standing Committee untuk Education di Dewan Rakyat di mana seterusnya tahun-tahun potfolio-potfolio, tugas-tugas pelajaran boleh diteliti dan dibahaskan dengan mendalam boleh dapat timbangan yang teliti. Oleh kerana selepas ambil tanggungjawab pelajaran dua tahun, tiga tahun, ketiga-tiga faktor masaalah-masaalah pelajaran yang saya sebut sudah jadi lebih teruk, sebab itulah saya sokong usul pindaan ini.

4.19 ptg.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menjawab beberapa hujjah yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban serta juga menolak usul yang dibawa olehnya untuk memotong gaji saya sebanyak \$10. Saya menganggap usul ini sebagai satu penghormatan kepada diri saya kerana saya mewakili bilangan yang terbesar daripada penduduk-penduduk di dalam negara kita ini dan dengan ditentang oleh bilangan yang kecil, ini bermakna bahawa saya memenuhi kehendak bilangan yang besar di dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi.

Selain daripada itu, usul ini juga merupakan satu usul undi tidak percaya dan undi tidak percaya menjadi satu usul yang begitu digemari oleh beberapa orang dan pembawakan usul ini merupakan satu kesan contagious disease yang dinamakan undi tidak

percaya ini dan saya percaya bahawa pembawa usul juga tidak begitu yakin bahawa ada kebaikan yang akan datang daripada usul yang seperti ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah berkata bahawa semuanya tidak begitu baik di Kementerian Pelajaran. Ini bunyinya seolah-olah dia quote daripada Shakespeare barangkali. Tetapi saya ini tidak begitu mahir di dalam sastera Inggeris jadi tidak dapat membuat terjemahnya, tetapi saya berpendapat bahawa sungguhpun tidak semuanya begitu baik di dalam Kementerian Pelajaran tetapi kebanyakannya baik. Bukti yang kebanyakannya baik ialah masih kurang orang yang memberi sokongan kepada Ahli Yang Berhormat itu sendiri dan partinya. Dia menyebut tentang memorandum-memorandum yang telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet dan di antara perkara-perkara yang dibangkitkan ialah berkenaan dengan exodus orang-orang profesional daripada Malaysia ini.

Katanya ini adalah bukti bahawa sistem pelajaran di Malaysia ini tidak sesuai sehingga mereka yang bertaraf profesional ini ingin berhijrah ke Australia dan lain-lain negeri supaya mereka dapat menempatkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah di negeri-negeri itu kerana sekolah-sekolah negeri itu mempunyai sistem pelajaran yang lebih baik. Saya percaya bahawa dianya berkata demikian dengan kepercayaan bahawa cuma profesional-profesional daripada Malaysia sahaja yang berhijrah ke Australia. Ahli Yang Berhormat dari Seremban tentu tahu dengan jelas bahawa ramai daripada rakan-rakannya sendiri yang bersama dengannya di Medical College di Singapura yang tinggal di Singapura telah juga berhijrah ke Australia. Apakah mereka profesional daripada Singapura ini menganggap sistem pelajaran Singapura juga tidak baik dan kerana itu mereka ini berhijrah ke Australia.

Saya berpendapat bahawa penghijrahan mereka ini tidak ada kena-mengena sama

sekali dengan sistem pelajaran, kerana memang menjadi tabiat orang-orang profesional yang membawa kepandaian mereka di dalam otak mereka berhijrah ke sana ke sini untuk mendapat penghidupan yang lebih mewah. Mereka tidak perlu membawa barang untuk perniagaan dan sebagainya, mereka cuma membawa kepandaian mereka yang mereka perolehi di dalam negara kita ini dan menjual kepandaian itu di negara-negara yang lain. Sebab itu kita dapati bahawa penghijrahan juga dibuat oleh doktor-doktor daripada England ke Amerika Syarikat dan ke Australia, daripada India ke England dan ke Malaysia dan juga penghijrahan lebih banyak orang-orang profesional daripada satu tempat yang kurang mewah kepada tempat yang mewah. Saya yakin kalaulah pada hari ini kita membuka pintu imigrasi kita dengan luasnya maka negara kita akan dibanjiri oleh doktor-doktor bukan sahaja daripada negeri seperti India, Ceylon dan sebagainya tetapi juga daripada negara-negara yang lain dan mereka yang akan datang ke sini tidak akan menyoal sistem pelajaran di sini. Mereka sebenarnya ingin memasuki sistem pelajaran di sini kerana pada pendapatan mereka sistem pelajaran negara kita adalah lebih baik daripada sistem pelajaran yang terdapat di beberapa buah negara yang lain. Sebab itu, Tuan Pengerusi, saya tidak kuatir sama sekali tentang taraf ataupun standard pelajaran yang terdapat di dalam negara kita.

Satu lagi bukti katanya sistem pelajaran negara kita ini tidak begitu baik ialah ramai Menteri-menteri yang menghantar anak mereka pergi belajar di negeri-negeri lain. Saya mengakui bahawa ini benar tetapi bukan sahaja Menteri, tetapi kebanyakan orang-orang yang mempunyai unguks yang cukup biasanya membuat demikian. Perbuatan ini bukan dilakukan sejak kita mengadakan sistem pelajaran ini bahkan dilakukan di zaman British dahulu. Di zaman British dahulu ramai anak-anak orang kaya dihantar ke England dan ke Amerika untuk belajar. Pada ketika itu sistem pelajaran negara kita ini diasaskan kepada bahasa pengantar

Bahasa Inggeris dan sukatan pelajarannya juga sama dengan yang terdapat di Eropah dan di negara-negara yang lain. Tetapi mereka yang mampu memang suka menghantar anak mereka terutama ke negeri orang putih supaya lebih dekat barangkali dengan apa dikenali sebagai nilai-nilai yang moden.

Sekali lagi saya tidak dapat menerima hujah bahawa penghantaran anak-anak orang ke Eropah bermakna taraf pelajaran di negara kita ini sudah turun tarafnya. MARA juga menghantar ramai anak-anak kita ke Eropah, ke England khususnya dan ini dilakukan oleh MARA kerana pada satu ketika kita dapati agak sukar bagi anak-anak Melayu memasuki universiti kita sendiri di dalam negara kita. Ada satu masa saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat tentu tahu Universiti Malaya sendiri tidak begitu suka menerima penuntut-penuntut Melayu ke dalam Universiti untuk kursus kejuruteraan. Kata mereka penuntut-penuntut Melayu tidak ada taraf yang baik dan tidak mungkin lulus, tetapi kita dapati kalau mereka ini dihantar ke Eropah mereka mudah lulus di Eropah sendiri. Daripada Brighton umpamanya begitu ramai sekali daripada penuntut-penuntut Melayu yang pergi ke sana dapat kelulusan yang baik. Apakah ini bermakna taraf kejuruteraan di England rendah daripada di universiti-universiti di Malaysia. Sebenarnya ini adalah dasar universiti di zaman itu kerana universiti terlalu bebas pada ketika itu, mereka menentukan syarat-syarat supaya kanak-kanak ini tidak dapat peluang. Sekarang ini kita menentukan supaya kanak-kanak ini dapat peluang, tetapi dalam pada itu oleh kerana kita berkehendakkan lebih ramai penuntut-penuntut yang lulus dalam jurusan itu kita menghantar mereka ke Eropah untuk meneruskan pelajaran mereka di sana. Dengan cara itu juga maka tempat-tempat di sini dikosongkan untuk murid-murid yang lain yang tidak bernasib baik mendapat bantuan daripada MARA atau badan-badan yang lain.

Saya tertarik kepada penghargaan yang diberi kepada Yang Teramat Mulia Tunku

Abdul Rahman Putra yang disebutkan sebagai the "evergreen intellectual" oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Kalaulah dianya itu meletakkan penghormatan yang tinggi kepada Tunku Abdul Rahman kenapakah pada masa-masa dahulu sikap Democratic Action Party ini begitu sekali bertentangan dengan kehendak Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman? Kalau dianya benar-benar jujur berpendapat bahawa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman adalah seorang intellectual yang boleh memimpin negara ini, mungkin langkah yang pertama ialah untuk menjadikan Yang Teramat Mulia ini sebagai Ketua Parti DAP (*Ketawa*) dan dengan itu mungkin DAP akan mencapai kejayaan yang lebih. Ini saya yakin. Tetapi kalau dia tidak sanggup berbuat demikian saya tidak yakin DAP akan dapat satu taraf yang boleh diterima oleh rakyat.

Soal lebih flexible sistem pelajaran negara kita, saya berpendapat bahawa sistem pelajaran kita memang flexible iaitu ia tidak menumpukan kepada satu jurusan sahaja bahkan kita menitikberatkan pelajaran vokesyenal, pelajaran teknikal, pelajaran sains dan lain-lain dan pihak penuntut-penuntut boleh memilih mana satu daripada jurusan yang mereka ingini. Sebab itu kita tidak boleh berkata bahawa sistem pelajaran kita tidak flexible. Kalau hendak tahu sistem ini samada flexible atau tidak, saya jemput Ahli Yang Berhormat pergi mungkin ke Negara Komunis China di mana sistem pelajaran cuma satu sahaja dan barulah ia akan sedar apa makna flexible, apa yang tidak.

Ahli Yang Berhormat juga menyebut tentang perlunya mengadakan suatu referendum supaya menentukan samada dasar pelajaran kita diterima oleh rakyat. Saya khuatir sedikit dengan cadangan referendum itu, kerana kalau saya menggunakan memorandum yang telah diterima oleh Jawatankuasa Kabinet yang telah dipengerusikan oleh saya, saya dapati bahawa kebanyakan daripada memorandum itu menyalah kepada dasar yang ada sekarang

tetapi agak lebih rigid lagi daripada yang diamalkan oleh Kerajaan. Saya yakin kalau kita mengadakan referendum kesannya adalah lebih rigid lagi daripada sekarang dan kesannya amat bertentangan sekali dengan pendapat Parti DAP kerana mereka adalah kaum minoriti di dalam negara kita ini. Dengan tidak adanya referendum maka adalah sedikit kelonggaran bagi Menteri Pelajaran menimbangkan sedikit-sebanyak pendapat daripada DAP. Kalau sudah ada referendum, maka saya cuma terpaksa menjalankan kehendak bilangan yang terbesar daripada penduduk-penduduk dalam negara kita ini yang berhak menyuarakan pendapat mereka di dalam referendum dan saya yakin pendapat mereka amat bertentangan sama sekali dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Seremban ataupun Kota Melaka.

Ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang kemungkinan Laporan daripada Jawatankuasa Kabinet itu tidak dibahaskan di dalam Parlimen. Saya percaya bahawa Timbalan Menteri Pelajaran telah menjawab soalan itu dengan berkata bahawa laporan itu ialah Laporan Jawatankuasa Kabinet dan biasanya Laporan Jawatankuasa Kabinet disampaikan kepada Kabinet. Selepas itu terpulanglah kepada Kabinet untuk menentukan apa yang akan diperbuat dengan Laporan itu. Mungkin juga Kabinet akan mencetak Laporan itu dan mengemukakan kepada orang ramai dan saya percaya bahawa kalau dikemukakan kepada orang ramai, biasanya senaskhah Laporan itu dibentangkan di meja di dalam Dewan ini dan kalau saya tahu loghat Ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang samada perkara ini dibenar untuk dibahas atau tidak, mereka akan membahaskan juga di dalam Dewan ini. Saya yakin apabila Laporan itu dikeluarkan, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Seremban dan lain-lain akan menimbulkan butir-butir daripada Laporan itu di dalam perbahasan mereka. Sebab itu kita tidak perlu khuatir bahawa Laporan itu tidak akan dibahaskan di sini.

Berhubung dengan 20,000 orang penuntut yang tidak mendapat tempat di dalam

universiti, saya telahpun menjawab perkara ini dengan menerangkan bahawa tempat di dalam universiti disediakan untuk bukan sahaja kehendak hati mereka yang ingin ke universiti tetapi untuk peluang-peluang kerja dan keperluan negara. Tidak ada makna sama sekali kepada negara ini kalau semua yang ingin ke universiti diberi tempat dalam universiti sehingga apabila mereka lulus kelak, mereka tidak ada kerja sama sekali. Kita tahu ada beberapa buah negara yang mana kelulusan daripada universiti cuma dapat bekerja "menjual kacang putih". Dan saya tidak ingin melihat perkara yang sedemikian berlaku di dalam negara kita ini.

Selain daripada itu tidak semua daripada 20,000 orang penuntut itu yang tidak dapat tempat dalam universiti tempatan gagal memasuki universiti. Ada sebilangan daripada mereka yang telah dapat pergi keluar negeri untuk memasuki universiti-universiti di luar negeri. Ada setengah daripada mereka telah memasuki di dalam jurusan yang lain yang juga sama penting untuk pembangunan negara kita. Kita menyediakan beberapa buah sekolah vokesyenal dan juga sekolah politeknik supaya mereka ini dapat meneruskan pelajaran mereka di peringkat yang dianggap penting untuk pembangunan negara kita ini iaitu peringkat semi-profesional. Yang kita takut sekali di dalam negara ini ialah mengujudkan keadaan yang mana kita mempunyai banyak general, tetapi tak ada askar, sarjan, kapitan dan sebagainya. Inilah yang akan berlaku kalau semua yang ingin pergi ke universiti diterima masuk ke universiti.

Berkenaan dengan pendapat bahawa 25% sahaja yang bukan Melayu yang memasuki universiti di dalam peringkat ijazah, itu tidak benar sama sekali. Selain daripada perkara itu harus kita ingatkan bahawa usaha kita ialah untuk memperseimbangkan pembangunan semua kaum supaya tidak ada perbezaan pembangunan antara kaum. Kita tahu bahawa pada masa-masa yang lepas bilangan penuntut-penuntut Melayu yang dapat masuk ke universiti amatlah terhad sepertimana saya

katakan tadi di Universiti Malaya umpamanya buat beberapa tahun cuma 2 orang sahaja engineer Melayu yang lulus daripada Universiti Malaya. Sekarang keadaan ini telahpun diubah mengikut polisi yang ditentukan oleh Kerajaan supaya kelulusan daripada universiti ini akan mencerminkan komposisi penduduk di dalam negara kita ini. Sebab itu kita terpaksa buat beberapa ketika melebihi bilangan bumiputra yang dapat masuk ke dalam universiti untuk beberapa jurusan. Dalam pada itupun kita dapati bahawa mereka yang dapat pergi ke luar negeri lebih banyak terdiri daripada bukan Melayu dan ini telahpun neutralise ataupun menidakkan usaha Kerajaan. Umpamanya, di Australia, daripada 6,000 penuntut dari Malaysia kurang daripada 300 orang terdiri daripada penuntut Melayu, sebanyak 5,700 lagi terdiri daripada bukan Melayu dan tidak mungkin kita membetulkan keadaan tidak seimbang ini dengan kemasukan penuntut-penuntut di dalam universiti-universiti tempatan. Inilah sebabnya yang kita berpendapat bahawa walaupun kita usaha di dalam universiti tempatan buat beberapa lama kita tidak dapat membetulkan keadaan yang tidak seimbang di antara kaum dalam soal pembangunan pelajaran.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan juga dari Kota Melaka telah menyebut dengan panjang lebar tentang Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah menyebutkan bahawa dalam Laporan itu juga telah disebutkan bahawa taraf kecapaian dalam Fakulti Perubatan Universiti Malaya adalah tinggi. Walaupun ada keraguan, kata Laporan itu bahawa taraf yang tinggi itu dapat dikekalkan. Keraguan ini timbul daripada sangkaannya bahawa pada masa-masa yang akan datang sebahagian besar daripada penyampaian kuliah akan dibuat di dalam Bahasa Kebangsaan, oleh kerana mereka yang membuat penilaian itu terdiri daripada mereka yang tidak faham Bahasa Kebangsaan (Bahasa Malaysia) maka mereka berasa ragu-

ragu samada pelajaran perubatan dapat disampaikan di dalam Bahasa Kebangsaan. Memang ini menjadi hak mereka. Kita tidak boleh menyakinkan mereka bahawa bahasa kita dapat memainkan peranan yang sama dengan Bahasa Inggeris. Tetapi kita sendiri yakin dengan kebolehan ini.

Sebenarnya, pengakuan yang dibuat oleh laporan ini ialah buat jangka masa 5 tahun daripada masa sekarang mereka akan menerima dan mengiktiraf ijazah daripada Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Mereka berkata buat 5 tahun dari sekarang oleh kerana laporan yang pertama yang dibuat 5 tahun dahulu juga berkata sedemikian iaitu pengiktirafan yang dibuat mula juga terhad kepada 5 tahun dan ini adalah kali yang kedua dipanjangkan pengiktirafan ini untuk 5 tahun lagi.

Kita ingin pengiktirafan ini bukan dengan kerana kita tidak yakin kepada taraf pencapaian doktor-doktor yang lulus dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya ataupun Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan, tetapi dengan kerana membut kursus lanjutan kepada ilmu kedokteran ini kita perlu menghantar penuntut-penuntut kita keluar negeri. Oleh kerana tujuan ini kita berkehendak supaya diiktiraf oleh GMC supaya dengan ini dapatlah penuntut-penuntut kita pergi ke England untuk melanjutkan pelajaran mereka di sana tetapi untuk praktis untuk menjalankan tugas mereka di dalam negara kita ini kita tidak perlu pengiktirafan ini dan kita tidak ingin pengiktirafan ini sebagai satu asas pendaftaran untuk praktis sebagai doktor di negeri lain. Inilah yang berlaku sekarang iaitu doktor-doktor daripada Malaysia ini dibenarkan didaftar sebagai doktor yang boleh praktis di Australia dan dengan kerana itu mereka pergi ke Australia untuk membuka praktis mereka di sana. Tetapi yang kita ingin ialah mereka tidak boleh didaftar di sana iaitu tidak diiktiraf untuk praktis tetapi diiktiraf untuk melanjutkan pelajaran mereka. Ini tujuan kita. Itulah sebabnya yang kita meminta supaya GMC

mengiktiraf ijazah-ijazah yang dikeluarkan oleh Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan. Jadi dalam perkara ini tiada satu perkara yang kita patut rasa malu kerana ini dibuat oleh semua negeri-negeri. Yang kita tahu ialah GMC ini telah menarik balik pengiktirafannya kepada begitu banyak universiti-universiti di India yang mana Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga telah menekan supaya kita mengiktiraf ijazah India yang telah ditolak oleh GMC. Ini saya kurang faham kenapa di satu pihak dianya hendak supaya GMC diiktiraf dan di satu pihak yang lain ia kata kalau tidak diiktiraf pun tidak apa kita iktiraf. Jadi saya nampak ada double standard dalam perkara ini.

Kalau Yang Berhormat itu menganggap bahawa pengiktirafan GMC itu begitu penting ianya patut mendesak supaya doktor-doktor yang lulus dari universiti yang tidak diiktiraf oleh GMC dipotong pendaftaran mereka supaya mereka tidak dapat praktis di dalam negara kita ini. Tetapi kita begitu bermurah hati sekali, kita sanggup mengiktiraf mereka ini walaupun GMC tidak iktiraf. Ini patutlah Ahli Yang Berhormat dari Seremban menentukan pendiriannya terhadap GMC ini. Apakah GMC ini sebagai satu "tin god" yang dianya mesti worship at the feet of etc. supaya kita tahu di manakah ianya meletakkan GMC ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyebut tentang dasar pelajaran kita sebagai faktor-faktor memecah-belah dalam negara kita ini, dan dia menyebut tiga sebab kenapa pelajaran menjadi faktor memecah-belah. Di antaranya ialah berkenaan dengan masalah pengiktirafan ijazah tadi. Saya tidak terima sama sekali dakwaan bahawa pelajaran menjadi faktor memecah-belah. Saya cuma percaya bahawa di dalam negara kita ini yang menyebabkan pecah-belah di kalangan masyarakat berbilang kaum ialah ujudnya Parti DAP (*Ketawa*) yang sentiasa menimbulkan masalah-masalah perkauman yang berjaya menjadi masalah pelajaran juga sebagai satu masalah perkauman dan dia membawa

perkara ini seolah-olah pelajaran ada kaitan dengan kaum. Sebaliknya, kita menganggap pelajaran sebagai satu usaha untuk menyatupadukan kaum. Kalau dia tidak timbul sangat soal kaum di dalam pelajaran saya yakin bahawa pelajaran akan menjadi alat menyatupadukan rakyat yang berkesan sekali. Sebenarnya, kita dapati bahawa semua kaum menerima dasar pelajaran ini dan kalau kita pergi ke Universiti Kebangsaan kita akan dapati bahawa semua kaum berada di situ bahkan kaum Cina yang selalu mencapai kejayaan yang tinggi sekali di dalam bidang pelajaran yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Mereka ini tidak soal, mereka ini terima dasar pelajaran dan mengamalkannya ke peringkat yang kita sendiri kagum kerana kejayaan mereka. Tetapi ahli DAP seringkali menimbulkan seolah-olah tiada orang sama sekali yang mahu menerima. Saya kuatir dengan sikap Parti DAP yang semacam ini kerana inilah yang menjadikan faktor pecah-belah yang terbesar sekali dalam negara kita. Saya yakin kalau Parti DAP menerima Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Presidennya dan mengubah sikapnya terhadap perkara ini, maka sudah tentu bukan sahaja Pelajaran tidak akan menjadi faktor pecah-belah tetapi Parti DAP akan menjadi parti yang menyatupadukan rakyat kerana kepemimpinan yang baru itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyebutkan sedikit berkenaan dengan disiplin pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor di dalam universiti. Ini bukan satu perkara yang luar biasa. Kita dapati bahawa pensyarah dan profesor juga merupakan orang-orang yang menerima faedah yang saraan mereka dibiayai oleh orang ramai melalui hasil-hasil yang dibayar kepada Kerajaan, dan kita tidak mahu bahawa profesor-profesor ini terlibat menceburkan diri di dalam bidang politik umpamanya kerana kita tahu bidang politik ini telah dikotori oleh penyertaan beberapa orang. Sebab itu kita hendak supaya pensyarah dan profesor kita berada di dalam keadaan yang lebih bersih. Sebab itu kita

tidak begitu suka supaya mereka terlibat di dalam politik kerana ada kemungkinan kalau mereka memihak kepada pihak itu ataupun pihak ini kesannya ialah penuntut-penuntut mereka akan merasai tindakan yang mungkin tidak begitu adil, sebab itu kita suka melihat profesor-profesor kita tidak terlibat di dalam pertikaian politik dalam negara. Ini tidak bermakna bahawa mereka akan menjadi profesor yang bodoh kerana tidak ada jurusan yang mereka menceburkan diri kerana sebagai profesor mereka boleh mempelajari dan menyelidik di dalam berbagai bidang tanpa memihak kepada mana-mana pihak. Pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor kita terkenal di dunia ini dan mereka sering dijemput untuk mengemukakan kertas-kertas dan sebagainya di dalam berbagai internasional forum dan saya tidak pernah mendengar mereka dianggap sebagai orang yang tidak ada kemampuan mempertahankan kebijaksanaan mereka sebagai pensyarah dan profesor.

Saya tidak kuatir sama sekali tentang taraf ilmiah mereka samada di dalam bidang yang khusus bagi mereka ataupun di bidang-bidang lain. Disiplin yang akan kita adakan di dalam universiti adalah untuk kebaikan semua pihak dan bukan untuk menyekat gerak-geri kakitangan universiti. Begitu juga Naib Canselor sekarang ini menjalankan tugas mereka dengan sempurna dan tidak ada tekanan kepada mereka, kerana mereka tidak lagi perlu berkempen untuk dipilih sebagai Naib Canselor seperti dahulu. Di zaman dahulu Pensyarah dan Dekan dipilih oleh ahli-ahli kakitangan akademik di dalam universiti dan oleh kerana itu mereka terpaksa berkempen sepanjang masa untuk mendapatkan jawatan itu dan dalam kempen-kempen ini banyak perkara-perkara yang buruk berlaku. Sekarang kempen-kempen seperti ini tidak berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, saya telah cuba menjawab hujjah-hujjah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan saya berpendapat tidak ada satu pun daripada

hujjah-hujjah yang dikeluarkan oleh mereka yang boleh menyokong desakan mereka supaya gaji saya dipotong sebanyak \$10 tetapi kalau mereka rasa iri hati tentang \$10 itu, bolehlah saya dermakan \$10 itu kepada mana-mana badan charity yang mereka namakan, tetapi saya akan berbuat demikian semata-mata kerana keikhlasan dan sikap ingin menderma sahaja tetapi tidak menerima bahawa ini adalah satu hak bagi mereka memotong daripada gaji saya kerana saya belum membuat sesuatu yang tidak diterima oleh kebanyakan daripada penduduk-penduduk di negara kita ini. (*Tepuk*).

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi: Sekarang perbahasan di atas peruntukan Kementerian Pelajaran diteruskan semula.

4.54 ptg.

Dr. Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sedikit-sebanyak tentang peruntukan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan di sini saya hendak menyentuh sedikit-sebanyak tentang universiti kita khususnya Universiti Malaya. Saya hendak sentuh tentang pengiktirafan ijazah MBBS Fakulti Perubatan Universiti Malaya.

Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri Pelajaran dan baharu-baharu ini Menteri Pelajaran sendiri pun tidak hendak memperkecilkan kepentingan pengiktirafan ijazah perubatan kita di Universiti Malaya. Ini saya berasa sangat kesal dan sedih oleh kerana Kerajaan tidak menukarkan sikap ini yang membawa akibat yang merbahaya kepada pengiktirafan dan kepada Fakulti Perubatan Universiti Malaya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya ialah seorang anggota Majlis Universiti Malaya dan juga seorang

anggota Majlis Perubatan Malaysia dan saya rasa, saya boleh bercakap sedikit tentang pengiktirafan ijazah Perubatan di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya.

Tuan Pengerusi, apabila Fakulti Perubatan ditubuhkan dan sebelum graduan-graduan keluar daripada Fakulti tersebut, Fakulti tersebut telah menjemput rombongan daripada GMC United Kingdom untuk mengkaji dengan telitinya taraf Fakulti tersebut supaya GMC boleh mengiktirafkan ijazah Fakulti Perubatan di Universiti Malaya. Rombongan daripada GMC telah melawat Fakulti Perubatan, Universiti Malaya dan mereka sangat berpuas hati tentang taraf dan mutu pelajaran di sini dan mereka telah mengiktirafkan ijazah Perubatan Fakulti tersebut tanpa syarat, bukan sekarang dengan syarat. Tetapi malangnya, di dalam masa kurang daripada 10 tahun, iaitu pada penghujung tahun 1975 atau awal tahun 1976 satu rombongan daripada GMC ada melawat Fakulti Perubatan, Universiti Malaya dan mereka kuatir, mereka bimbang tentang turunnya taraf dan mutu pelajaran di Fakulti tersebut khasnya mereka kuatir benar tentang Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar, itu tidak menjadi soal, Tuan Pengerusi, tetapi apa yang mereka bimbang dan kuatir sekali ialah kekurangan pensyarah-pensyarah khasnya pensyarah-pensyarah yang berpengalaman seperti Associate Professors. Tuan Pengerusi, Menteri Pelajaran telah menyatakan bahawa mereka tidak memahami dasar pelajaran kita untuk menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di Fakulti Perubatan, mereka khuatir dan mereka telah mengiktirafkan ijazah Perubatan dengan syarat, itu bukan benar. Apa yang mereka khuatir ialah tentang kekurangan pensyarah-pensyarah dan tentang apa yang berlaku di Fakulti tersebut.

Tuan Pengerusi, saya berharap Menteri Pelajaran akan mengambil segala tindakan supaya Fakulti tersebut boleh mengatasi beberapa masalah yang dihadapi oleh

mereka supaya di dalam tempoh 5 tahun Fakulti yang ada sekarang ini boleh kita memperbaiki keadaan yang merosot sekarang. Saya hendak memberi satu contoh kepada Menteri Pelajaran bahawa di dalam Jabatan X-Ray ada peruntukan barangkali untuk 10 orang pensyarah. Sekarang cuma ada satu sahaja.

Kalau pensyarah itu tidak dibantu dia barangkali akan meletakkan jawatan atau dia akan sakit dan tiada pensyarah di sana, bukan untuk mengajar murid-murid tetapi untuk merawat pesakit di sana. Itu sangat merbahaya, Tuan Pengerusi, dan keadaan itu sangat dahsyat. Saya berharap Menteri Pelajaran sebagai seorang doktor tentulah beliau sedar tentang implikasi ada satu sahaja pensyarah X-Ray. Di Hospital Besar saya berpendapat ada sekurang-kurangnya 5-6 orang doktor di sana tetapi di Hospital Universiti yang mana ada peruntukan untuk 10 pensyarah cuma ada satu sahaja pensyarah. Saya berharap Menteri Pelajaran akan mengambil berat tentang keadaan yang dahsyat seperti yang disebutkan oleh saya dan mengambil segala tindakan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Fakulti Perubatan.

Tuan Pengerusi, tadi Menteri Pelajaran juga menyatakan pengiktirafan ijazah perubatan Fakulti Perubatan di Universiti Malaya ialah untuk doktor-doktor kita boleh melanjutkan pengalaman atau training mereka di luar negeri, tetapi bukan untuk supaya mereka boleh pergi keluar negeri immigrate di sana. Itu pandangan beliau tetapi Menteri Kesihatan kita sekarang sudah sedar doktor-doktor kita kebanyakannya ada pergi ke United Kingdom untuk mendapat ijazah-ijazah post-graduate dan kalau MBBS mereka tiada diiktiraf oleh General Medical Council, tentulah mereka bukan begitu senang boleh melanjutkan training mereka di luar negeri khasnya di United Kingdom. Oleh itu, untuk kepentingan pengiktirafan-pengiktirafan ijazah MBBS kita oleh GMC. Menteri Pelajaran sendiri tadi menyatakan di India

ada beberapa Fakulti Perubatan yang ijazahnya telah dibatalkan atau dilucutkan oleh GMC. Kalau kita tiada mengambil berat tentang perkara ini ijazah kita MBBS Universiti Malaya boleh dilucutkan atau dibubarkan oleh GMC juga dan doktor-doktor kita bukan begitu senang pergi ke United Kingdom supaya mereka boleh melanjutkan training mereka.

Tuan Pengerusi, Menteri Pelajaran juga tadi ada menerangkan tentang peraturan-peraturan disiplin yang baru-baru ini diadakan oleh beberapa Universiti kita. Adakah beliau sedar ASA (Academic Staff Association) Universiti Malaya ada mengadakan beberapa mesyuarat dan mereka dengan sebulat suara telah membantah tentang peraturan-peraturan tersebut dan mereka akan berhubung dengan pensyarah-pensyarah Universiti lain supaya mereka boleh bekerja sama dengan pensyarah-pensyarah di Universiti-universiti lain untuk membantah tentang peraturan-peraturan disiplin tersebut.

Tuan Pengerusi, tadi Menteri Pelajaran menyatakan peraturan-peraturan tersebut ialah untuk kebaikan pensyarah sendiri supaya mereka jangan campur tangan dalam politik. Saya hendak menyatakan pada pendapat saya ada sedikit sahaja pensyarah-pensyarah di Universiti yang saya tahu ada mengambil bahagian dalam politik, kebanyakan dalam UMNO dan sedikit dalam Parti Rakyat.

Tuan Pengerusi, ini dinafikan oleh Menteri Pelajaran tetapi sedikit sahaja, tiada banyak; mengapakah Menteri atau Kerajaan kita begitu kuatir tentang pensyarah-pensyarah kita mengambil bahagian dalam politik. Dan kalau sekiranya mereka tidak campur dengan politicians (ahli siasah) bagaimanakah mereka boleh mengajar Political Science, Tuan Pengerusi; mereka tidak boleh mengajar ilmu itu dalam satu vacuum. Bukan itu sahaja, Tuan Pengerusi, seperti disebut oleh Wakil dari Kota Melaka kita ingin pensyarah-pensyarah kita menjadi political eunuch — Menteri Pelajaran mengatakan pensyarah kita bukan

bodoh. Itu saya bersetuju tetapi kalau mereka hendak memberi syarahan dalam politik, mereka mesti mendapat kebenaran daripada Naib Canselor. Tentulah initiative mereka akan blunt. Oleh itu, mereka semuanya dengan sebulat suara telah membantah tentang peraturan-peraturan disiplin.

Begitu juga baru-baru ini Kerajaan akan mengadakan peperiksaan Kerajaan kepada pensyarah-pensyarah tentang beberapa perkara yang tertentu dan peperiksaan ini diadakan kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan juga. Tuan Pengerusi, kalau sekiranya kita mengkaji semua pensyarah-pensyarah ada post-graduate qualifications — ada Masters, Doctorate, Doctor of Science dan sebagainya. Seumpama kalau seorang ada Doctorate in Anthropology mengapa kita suruh dia menjawab soalan tentang Anthropology di dalam peperiksaan ini. Oleh itu, saya berharap Menteri Pelajaran akan mengkaji semula kedua-dua perkara ini supaya pensyarah-pensyarah tidak perlu mengambil peperiksaan tersebut dan supaya peraturan-peraturan disiplin tidak diadakan untuk pensyarah-pensyarah.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini di dalam convocation Universiti Teknologi Malaysia (UTM) semua graduans terpaksa memakai baju hitam. Para graduans yang bukan bumi-putra, telah membantah tentang pakaian ini dan telah berjumpa dengan Naib Canselor UTM dan membuat bantahan tentang pakaian itu. Tetapi malangnya bantahan mereka ditolak.

Tuan Pengerusi, Malaysia ialah sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang kebudayaan, dan berbilang bangsa dan kita ada satu kebudayaan (culture) yang sesuai tentang satu-satu kaum, tetapi tidak sesuai untuk kaum yang lain. Umpamanya, pakaian warna hitam kepada orang Cina ialah untuk dipakai semasa upacara kematian, Tuan Pengerusi. Convocation ialah satu upacara yang gembira dan bukan untuk orang mati, Tuan Pengerusi. Dan kalau Naib Canselor tersebut memaksa mereka memakai pakaian hitam mereka, terutamanya mereka tidak menerima cadangan

dan mereka telah memboycott upacara tersebut. Kesemua graduans bukan bumiputra telah memboycott convocation itu.

Tuan Pengerusi, saya telah menerima satu surat daripada graduan tersebut dan dengan izin, Tuan Pengerusi, saya ingin membaca dua paragraph yang pendek.

Tuan Pengerusi: Pendek sahaja boleh.

Dr. Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) "We, the non-Malay and non-Islamic undergraduates with the pioneer graduates are of the consensus that the black and white overalls are unsuitable for the auspicious occasion. We feel that the costumes are contrary to our cultural aspirations and have deep Islamic religious overtones. It is unconstitutional to force such an attire on us. Our view is that we should have the freedom to wear lounge suits and other dresses suitable for official occasions. It is pertinent to note that no such similar rules on Baju Kebangsaan exists or are in force even in Parliament or other official functions. At least, we feel that the time is not right for such stringent enforcement and there should be a more gradual change to minimise any cultural shocks or undesirable repercussions."

Tuan Pengerusi, saya berharap Menteri Pelajaran akan mengkaji perkara ini supaya di Convocation yang akan datang, graduans yang bukan bumiputra tidak memboycott Convocation oleh sebab mereka dipaksa pakai baju hitam, Tuan Pengerusi.

5.14 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 29, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, Aktiviti (2) Latihan Guru dan Aktiviti (3) Pelajaran Rendah dan Menengah, muka surat 211.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pelajaran adalah satu Kementerian yang sangat penting

kepada kemajuan perkembangan pelajaran di negara kita. Kementerian Pelajaran juga mendapat peruntukan yang paling besar daripada jumlah Kementerian-kementerian yang lain. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan memandang berat kepada perkembangan pelajaran di negara kita ini. Melalui sistem pelajaranlah dapat kita membentuk satu bangsa yang berstatus satu. Inilah yang menjadi matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan. Kita berharap sistem pelajaran kebangsaan ini dapat digerakkan sepenuhnya, walaupun terdapat keangsaan dari berbagai pihak dan golongan tentang hasrat dan aspirasi rakyat.

Dalam konteks ini, Kerajaan hendaklah berhati-hati dan berwaspada akan petualang-petualang yang cuba membangkitkan perasaan rakyat tentang ketidak-adilan sistem pelajaran kebangsaan yang kita semua maklum bahawa ianya memberi peluang sepenuhnya kepada rakyat jelata negeri ini.

Saya ingin menyentuh mengenai aktiviti latihan guru khusus mengenai Kursus Dalam Perkhidmatan, iaitu yang bersabit dengan kursus mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Saya rasa tidak ada seorang pun yang boleh menapikan peri mustahaknya pelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah terutama di sekolah-sekolah Melayu di luar bandar, khususnya di Negeri Kelantan. Mengikut apa yang saya faham, guru-guru sementara yang diberi kursus perguruan asas yang dijalankan dalam masa cuti sekolah selama 3 tahun adalah sangat memuaskan dan menggalakkan. Dalam pada itu, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pelajaran bahawa oleh kerana pelajaran Bahasa Inggeris ini sangat-sangat mustahak kepada murid-murid sekolah rendah khususnya dari Negeri Kelantan, dan memandangkan mutu pelajaran Bahasa Inggeris yang dicapai oleh murid-murid sekolah rendah adalah terlalu rendah, maka saya ingin mengesyorkan

supaya guru-guru Bahasa Inggeris yang terlatih dibanyakkan di Negeri Kelantan. Ini memandangkan bahawa peratus murid-murid Melayu adalah yang paling besar sekali dalam Semenanjung Malaysia ini.

Lihat sahaja bagaimana merosotnya mutu pelajaran Bahasa Inggeris dalam Penilaian Darjah Lima sejak kebelakangan ini dan perangkaan yang dicapai adalah sangat rendah. Saya difahamkan bahawa kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris yang terlatih di Negeri Kelantan adalah terlalu banyak. Memandangkan ini sebagai satu faktor utama pencapaian murid-murid dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah sebagai satu asas pengajian, maka Kementerian Pelajaran hendaklah mengambil langkah-langkah yang segera untuk mengatasi kekurangan tersebut, khususnya di kawasan saya, Tumpat.

Sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai matapelajaran agama Islam di sekolah rendah dan menengah. Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menyentuh betapa pentingnya pelajaran-agama Islam diajarkan di sekolah-sekolah. Memandangkan matapelajaran agama Islam ini sebagai satu pelajaran yang mustahak, maka saya fikir dalam mencapai taraf disiplin dan moral yang tinggi, pelajaran agama Islam bolehlah memainkan peranannya di dalam konteks pelajaran kebangsaan. Atas hakikat ini, saya ingin mengesyorkan bahawa matapelajaran agama Islam dijadikan sebagai satu matapelajaran wajib di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Tidaklah seperti sekarang ini hanya tertumpu kalau mempunyai lebih 15 orang murid-murid yang beragama Islam, maka baharulah kelas pelajaran agama itu diadakan. Saya rasa sistem ini hendaklah dikaji dan disemak semula sesuai dengan perkembangan dan peredaran zaman sekarang.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong sepenuhnya peruntukan Kementerian ini.

5.20 ptg.

Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk membiayai menjalankan aktiviti-aktiviti bagi tahun 1978 ini.

Saya suka membawa pandangan kepada muka surat 219, Butiran 1100, Aktiviti (1) (a) — Pentadbiran Am bagi Negeri Sarawak, serta juga Aktiviti (3) (a) (1) Pelajaran Rendah dan Menengah bagi Negeri Sarawak juga. Apa yang didapati sekarang, oleh kerana murid-murid atau pelajar-pelajar kita makin sehari makin bertambah ramai mendaftar nama apabila tahun baru menjelang, maka satu kajian hendaklah dibuat oleh Kerajaan supaya tidak ada murid-murid yang tertinggal dan dalam mendapatkan matapelajaran di negeri kita ini, terutama sekali anak-anak yang dari luar bandar. Sekolah-sekolah di luar bandar kebanyakannya buruk, robak-rabek, yang boleh melahirkan fikiran kurang senang hendak belajar bagi anak-anak kita, terutama sekali anak-anak bumiputra yang kurang bernasib baik. Anak-anak yang baru hendak belajar makin bertambah dari luar bandar tetapi sekolahnya banyak itu juga kelas tidak ditambah. Anak-anak bumiputra ini didapati terbantut fikiran untuk melanjutkan pelajarannya dengan dipandanginya kiri-kanan keadaan sekolah mereka atau tempat mereka belajar, semuanya buruk belaka dan atap pula terdapat bocur, dan ada kedapatan juga apabila angin 5 batu sejam melanda, boleh merobohkan sekolah di mana anak bumiputra itu belajar. Lain pula keadaannya kalau sekolah-sekolah untuk belajar bahasa penghantar iaitu Bahasa Inggeris, di mana kedapatan semuanya keadaan yang baik-baik belaka, sekolah cantik-cantik serta bantuan-bantuan, kemudahan-kemudahan banyak pula diberi kepadanya.

Dalam menimbangkan untuk meninggikan taraf hidup anak-anak bumiputra kita bagi masa akan datang ini saya berharap pembinaan sekolah-sekolah di luar bandar, hendaklah

diperhebatkan lagi sejajar dengan kemerdekaan negara kita dan bukan hanya ditolong sekolah yang kebanyakannya terdapat anak-anak belajar bahasa Inggeris sahaja, sekolah-sekolah di mana anak-anak luar bandar belajar hendaklah diikhtiarkan sama supaya tidak ada lebih dan tidak ada yang kurang. Yang mana sudah lebih direntikan dahulu bantuan atau pertolongannya, dan yang mana didapati kurang ditambah berlipatganda bantuannya supaya jangan kita nampakkan kepada jenerasi-jenerasi kita, timbang berat sebelah di atas bantuan-bantuan ini.

Kedua, Butiran 1300, Aktiviti (3) (a) (iii) — Sekolah-sekolah Vokesyenal di Sarawak, terdapat kekurangan sangat pembinaannya sekolah-sekolah vokesyenal ini, kebanyakannya anak-anak di Sarawak, apa yang saya dapat tahu, dihantar ke Semenanjung. Kerajaan sepatutnya mulai dari sekarang, hendaklah berikhtiar supaya anak-anak Sarawak dapat mengambil matapelajaran vokesyenal ini sejajar dengan anak-anak di Semenanjung di sini, kerana kita sudah merdeka lebih 10 tahun. Kalau boleh didirikan, buat permulaan ini, di tiap-tiap Bahagian di Negeri Sarawak hendaklah diadakan sekolah vokesyenal supaya memberi kemudahan kepada rakyat di negeri yang serba-serbi mundur, saya baru nampak cahaya hidup mereka pada masa hadapan kerana rakyat sekarang berpandangan jauh.

Tuan Pengerusi, satu lagi dalam Anggaran Pembangunan bagi Negeri Sarawak, suka saya membawa pandangan kepada Kod 3200 — Kemudahan. Apa yang didapati di Sarawak sekarang ada terdapat guru-guru yang ditukar dengan serta-merta tidak menikmati kemudahan-kemudahan seperti rumah kediaman, sangat kurang sekali — lebih-lebih lagi sekolah-sekolah di luar bandar di mana, sekiranya kemudahan-kemudahan perumahan ini tidak ada akan memberi kesusahan kepada guru-guru itu serta juga murid-murid yang akan diajarinya. Kerajaan hanya tahu menukarkan guru-guru sahaja tetapi tidak pandang dari segi kemudahan-kemudahannya

yang akan dialami oleh guru itu, dan mulalah surat cuti sakit datang, akhirnya murid-murid yang menderita. Oleh itu saya berharap sekolah-sekolah di luar bandar hendaklah diadakan kemudahan-kemudahan perumahan yang lengkap supaya guru-guru itu senang hati dapat melayan anak-anak kita dengan sempurna.

Sekali lagi saya menyokong peruntukan bagi Kementerian Pelajaran.

5.30 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Selayang): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap berhubung dengan Pentadbiran Am Kementerian Pelajaran, Kepala B. 29, Butiran 1100, Aktiviti (1).

Saya suka menarik perhatian Menteri Pelajaran berkenaan sekolah-sekolah di dalam kampung-kampung baru. Peruntukan kewangan bagi sekolah-sekolah ini hendaklah ditambah. Banyak sekolah-sekolah di dalam kampung-kampung baru terutama sekali sekolah-sekolah bangsa Cina adalah di dalam keadaan yang buruk yang sungguh-sungguh tidak layak untuk didiami. Tandas-tandas tidak mencukupi dan di dalam keadaan yang kotor, janganlah hendak disebut dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan moden seperti tandas curah dan sebagainya. Saya telah banyak kali pergi ke sekolah-sekolah di kampung-kampung baru dan mendapati ulat-ulat berkerumum di dalam tiap-tiap tandas. Dari segi kesihatan perkara seumpama itu tentulah tidak boleh dibiarkan dan hendaklah dibasmikan dengan serta-merta oleh Kementerian. Murid-murid bertambah tiap-tiap tahun dan sekolah-sekolah tidak juga dibesarkan dari keadaan asalnya. Oleh itu, saya minta Menteri Pelajaran menimbang dengan serius untuk menambah lebih banyak bilik-bilik darjah kepada sekolah-sekolah dengan keadaan yang lebih sempurna supaya dapat menampung bilangan murid-murid yang kini bertambah dan di samping itu membina semula sekolah-sekolah yang telah uzur

dan tidak layak dijadikan tempat-tempat belajar.

Saya rasa semua Ahli-ahli Dewan Raykat atau Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, tegasnya bukan saya sahaja yang telah berkali-kali meminta peruntukan bagi membina semula sekolah-sekolah yang tidak sempurna dan menambah bilik-bilik darjah yang lebih banyak kepada sekolah yang masih dalam keadaan baik. Murid-murid sekolah rendah perlu diberi satu asas yang kukuh. Saya tegasan perkara ini kerana saya rasa bahawa guru-guru bahasa Kebangsaan tidak diperuntukkan dengan cukupnya ke sekolah-sekolah Cina dan Tamil memandangkan semua murid-murid itu akan pergi ke sekolah-sekolah jenis kebangsaan bila mereka meningkat ke sekolah-sekolah menengah, oleh itu mereka perlu mempunyai satu asas yang kukuh semasa mereka masih di dalam pelajaran rendah. Kalau ini dibiarkan saya kuatir akibatnya akan menambahkan bilangan murid-murid yang tercicir dan akan pasti melibatkan masyarakat kita. Seterusnya apabila banyak belia-belia menganggur dan susah mendapat pekerjaan, kesusahan mereka akan bercampur dengan anasir-anasir yang tidak diingini untuk menimbulkan huru-hara kepada masyarakat kita.

Kepala B. 29, Butiran 1100, Aktiviti (2) Latihan Guru. Saya mesti mengucapkan tahniah kepada Kementerian kerana telah menambahkan peruntukan bagi latihan perguruan dari \$34,605,000 kepada \$40,312,900 bagi penggal 1977 hingga 1978. Saya ingin merayu kepada Menteri supaya beliau dapat menerangkan cara-cara latihan. Guru-guru dan sekolah-sekolah kita hendaklah melahirkan murid-murid warganegara Malaysia yang baik yang mempunyai pemikiran sivik dan bersedia menolong sesama warganegara yang mungkin menghargai nilai-nilai kejujuran dan integrasi ke arah mempercayai ugama dan tuhan dan juga patriotik dan setia kepada Malaysia yang tidak syak lagi selalu menghormati bendera dan lagu kebangsaan kita dan akhirnya mencurahkan khidmat baktinya ke arah pembinaan satu bangsa Malaysia yang bersatu di

kalangan rakyat berbilang kaum yang telah sama-sama kita warisi.

Saya menyokong kenyataan Menteri yang telah mengatakan dengan lebih luas latihan-latihan ugama dan aktiviti luar untuk dijalankan di dalam sekolah-sekolah kita. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan kebebasan beragama dan dengan kebenaran yang diberikan oleh ibubapa murid-murid hendaklah diberikan latihan kerohanian dan keugamaan mengikut ugama yang sesuai dengan tradisi, kebudayaan dan nilai-nilai moral mereka masing-masing. Guru-guru terlatih yang muda hendaklah dibawa oleh keluarga di tengah-tengah masyarakat supaya mereka dapat mengkaji problem mereka yang telah meninggalkan sekolah dan yang telah keciciran. Di samping itu mereka juga dapat melihat problem muda-mudi yang tersalah langkah, penagih dadah dan kejadian jenayah yang kini dianggap sebagai kegagalan polisi pelajaran di sekolah-sekolah.

Untuk mencapai tujuan semua latihan-latihan ini bagi murid-murid sekolah kita saya suka memberikan perakuan kepada Kementerian bahawa langkah-langkah ini hendaklah dengan cara berperingkat dijadikan mata-pelajaran yang diwajibkan kepada semua kanak-kanak yang berumur hingga 18 tahun. Persatuan guru-guru hendaklah juga memerlukan pelajaran yang diwajibkan kepada ahli-ahlinya. Menteri hendaklah mengadakan majlis-majlis dailog dengan guru-guru untuk memastikan bagaimana rancangan ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

5.38 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu kami sangat besar hati apabila mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran semasa membentangkan peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran bagi Belanja Mengurus dan Pembangunan untuk tahun 1978.

Dengan izin, Tuan Pengerusi, sukaulah saya bercakap, pertamanya di bahagian B. 29 muka surat 214, Aktiviti (8) (f) Biasiswa/Dermasiswa Perguruan Persekutuan untuk Kursus Ijazah (SARAWAK), yang mendapat peruntukan sebanyak \$450,000 bagi tahun 1978 iaitu bermakna sebanyak 75% daripada peruntukan tahun 1977 di mana tahun 1977 mendapat sebanyak \$600,000. Oleh yang demikian, mengikut pendapat saya jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1977 maka pada tahun 1978 kegiatan di bidang yang saya maksudkan ini sudah pasti menjadi kekurangan. Dengan keadaan yang demikian serta mengikut setakat yang saya ketahui sekolah-sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah Kerajaan di Negeri Sarawak terutama yang bertaburan di luar bandar masih lagi mengkehendaki guru-guru yang terlatih dan berijazah untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah dan rendah Kerajaan yang tertentu di berbagai bidang pelajaran termasuk Bahasa Kebangsaan. Jika anggapan saya itu betul belumlah lagi sampai masanya sekarang pihak yang berkenaan mengurangkan peruntukan di bawah Aktiviti yang saya sebutkan awal itu tadi, lebih-lebih lagi bagi anak-anak bumiputra di Negeri Sarawak masih jauh kekurangan di bidang yang saya maksudkan itu untuk masa sekarang dan tahun-tahun akan datang. Dengan harapan besar saya merayu supaya peruntukan itu diambil perhatian dan dikaji semula supaya peruntukan tambahan dapat dibuat untuk menyesuaikan kehendak yang saya terangkan itu.

Begitu juga di Bahagian (k), Aktiviti yang sama, di muka surat 215 — Hadiah Bantuan Latihan untuk Guru-guru dan Pentadbir-pentadbir Pelajaran (Sarawak) didapati kurang sebanyak \$20,000 bagi tahun 1978 daripada peruntukan tahun 1977.

Aktiviti (8) (g) di muka surat 215 — Biasiswa untuk Penuntut-penuntut Sarawak di Sekolah-sekolah Menengah di Semenanjung Malaysia juga didapati kurang bagi tahun 1978 daripada peruntukan tahun 1977, seperti

kita dapat lihat dalam buku Belanjawan ini. Saya berpendapat memandangkan kebanyakan daripada penuntut-penuntut Sarawak yang dihantar ke Semenanjung Malaysia adalah terdiri daripada golongan miskin seperti anak nelayan, petani luar bandar Negeri Sarawak yang tidak berkemampuan untuk memberi pelajaran tinggi kepada anak-anak mereka itu. Apa yang saya tahu kebanyakan penuntut-penuntut yang menuntut di sekolah-sekolah menengah di Semenanjung ini mendapat bantuan daripada Yayasan Sarawak hasil kutipan sumber-sumber hutan seperti cess kayu balak. Daripada sumber-sumber hutan seperti cess kayu balak itu saya merayu kepada yang berkenaan samada pihak Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri Sarawak bayaran biasiswa yang saya sebutkan itu biarlah ditambah lebih ramai lagi penuntut-penuntut dari setahun ke setahun, di samping itu peruntukan juga diberi lebih lagi daripada yang ada sekarang. Apa yang saya telah difahamkan boleh dikatakan pada keseluruhannya penuntut-penuntut dari Sarawak telah mendapat satu kejayaan yang baik di matapelajaran yang penuntut-penuntut itu ambil di Semenanjung ini. Di samping itu juga boleh memberi bimbingan dan didikan supaya penuntut-penuntut luar bandar dapat menyesuaikan keadaan dengan penuntut-penuntut di bandar besar serta menanam perikatan persefahaman yang semulajadi sebagai satu rumpun bangsa Malaysia yang tulin tidak kira di Sarawak, Sabah dan negeri-negeri lain di Semenanjung ini. Ini adalah satu asas yang penting di samping mendapatkan pelajaran bagi penuntut-penuntut negara kita ini.

Tuan Pengerusi, berpindah kepada Aktiviti (9) (b) di muka surat 215 — Sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat yang mendapat peruntukan sebanyak \$2,176,000 bagi tahun 1978. Dengan kelulusan peruntukan ini sukacita saya merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya sekolah ugama Islam yang dibina oleh rakyat di Negeri Sarawak khasnya di daerah saya menjadi sekolah bantuan penuh Kerajaan. Memandangkan keadaan di zaman perubahan sekarang didikan dan pelajaran

agama sangat diperlu bagi menanam semangat berdisiplin dan bermoral untuk murid-murid di masa kecil lagi bagi menentang fahaman Kominis, serta mengujudkan jenerasi-jenerasi baru sebagai masyarakat yang benar-benar taat-setia selaras dengan dasar dan prinsip Rukunegara. Ini saya rasa boleh diterima oleh kaum yang lain di negara kita ini. Saya juga bercadang supaya satu peruntukan khas untuk membina Taman Didikan Kanan-kanak (Tadika) disediakan untuk semua negeri terutama bagi kawasan luar bandar. Selama ini Tadika seperti di Sarawak didapati di bandar dan pekan yang tertentu sahaja yang dikelolakan oleh pihak-pihak yang tertentu dengan satu bayaran yang agak tinggi bagi murid-murid yang menuntut di situ. Bagi rakyat di luar bandar sudah pasti sukarlah untuk menghantar anak-anak mereka ke situ.

Menyentuh Aktiviti (9) (f) — Dewan Bahasa dan Pustaka yang mendapat peruntukan berjumlah \$8,500,000 bertambah sebanyak \$2,500,000 dari tahun 1977. Di sini suka saya untuk mendapatkan perhatian Kementerian ini mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka Kuching, Sarawak oleh kerana satu-satu kemajuan pembangunan di tiap-tiap buah negeri dalam Malaysia Dewan Bahasa dan Pustaka juga sebagai satu bidang yang penting bergerak sama mengikut tempo dan gerakan langkah bidang-bidang pembangunan yang lain. Saya bercadang supaya alat-alat perkakas yang lengkap dan moden seperti mesin cetak, kakitangan yang mencukupi dan terlatih terutama dalam Bahasa Kebangsaan hendaklah disediakan bagi menampung kehendak rakyat. Jika boleh buku-buku teks sekolah Kerajaan dicetak di tempat ini untuk keperluan di Negeri Sarawak ini sendiri. Bagi bilik perpustakaan di luar bandar hendaklah dibekal lebih banyak lagi buku-buku Bahasa Kebangsaan berupa sejarah dan lain-lain lagi yang diterbitkan oleh negara ini sendiri.

Sekarang saya berpindah kepada Kepala P. 30, Butiran (1) hingga (8) di muka surat 226 bagi Sarawak. Pada tahun 1978 Sarawak

mendapat peruntukan sebanyak \$64,088,000 bertambah hampir \$8,000,000 daripada tahun 1977. Ini kami ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran. Dengan peruntukan yang ada ini saya berharap Jabatan Pelajaran Sarawak dapat mengatasi segala bidang pembangunan pelajaran dipelbagai bidang bagi membina dan menambah kelas-kelas sekolah rendah dan menengah Kerajaan serta alat perkakas dan rumah-rumah guru yang sangat perlu diberikan keutamaan. Saya mengesyorkan kepada Jabatan Pelajaran Sarawak supaya pembinaan sekolah rendah sementara didirikan oleh rakyat dua atau tiga tahun sudah sekarang sudah begitu lapuk dan uzur yang terdapat di daerah Mukah dan Dalat diganti dengan bangunan baru yang lengkap dengan bangku, dan meja serta alat-alat yang lain lagi supaya kemudahan pelajaran di luar bandar tidak begitu bezanya dengan apa yang terdapat di bandar, ini termasuklah padang permainan. Mengikut kenyataan dalam Buku Anggaran Belanjawan 1978 di Negeri Sarawak dijangka bertambah 7 buah lagi sekolah menengah Kerajaan menjadi 61 buah. Begitu juga sekolah rendah yang sentiasa bertambah dari setahun ke setahun yang tidak boleh dielakkan disebabkan oleh murid-murid sentiasa bertambah samada di bandar mahupun di luar bandar. Oleh yang demikian, segala peruntukan Kementerian ini pasti akan bertambah bagi mengatasi masalah ini pada tiap-tiap tahun.

Tuan Pengerusi, dengan memandang keadaan di kawasan saya yang begitu sukar cara perhubungan dari satu tempat ke tempat yang lain disebabkan kekurangan perhubungan jalanraya, maka saya merayu kepada pihak yang bertanggungjawab mendirikan sebuah sekolah rendah Kerajaan di Sungai Gigis, Mukah bagi mengatasi kehendak rakyat di Sungai Gigis dan Ulu Sungai Sebakong, Mukah. Permohonan seperti ini telah pernah disampaikan untuk pengetahuan Jabatan Pelajaran Sarawak oleh rakyat yang berkenaan itu sendiri. Sekarang mengikut apa yang saya telah difahamkan masih terdapat

banyak lagi anak-anak yang patut bersekolah tidak dihantar ke sekolah rendah oleh sebab tempat-tempat sekolah rendah sangat jauh dari tempat mereka itu. Bagi ibubapa kawasan yang saya sebutkan itu pula tidak senang hati untuk menghantar anak-anak mereka yang masih lagi kecil itu berumur 7 tahun atau lebih untuk bersekolah seperti terdapat sekarang di Kuala Sungai Kenyana, Kuala Sikat dan Lubuk Bemban, Ulu Mukah. Dengan keadaan begini saya berharap Jabatan Pelajaran Sarawak dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya supaya sebuah sekolah rendah Kerajaan dibina dengan segera di pertengahan Sg. Gigis untuk kepentingan anak-anak rumah panjang sekitar kawasan tersebut. Mengikut apa yang saya tahu sebuah sekolah menengah akan dibina di Ulu Mukah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Ini adalah kami harapkan. Jika mengikut keadaan yang lebih sesuai lagi saya bercadang sekolah menengah yang dicadangkan itu biarlah dibina dalam kawasan daerah kecil Balingian di dalam Daerah Mukah juga supaya murid-murid dari kawasan tepi pantai Balingian dan di daerah sekitar itu seperti Tatau dan Ulu Tatau dan Ulu Balingian dapat ditempatkan di sekolah menengah itu nanti.

Sekarang jalan besar Ulu Balingian ke Tatau sedang dalam pembinaan yang akan siap tidak berapa lama lagi untuk digunakan sebagai cara perhubungan kedua daerah kecil itu terutama rakyat di kawasan ulu. Jikalau sekolah menengah yang dicadangkan itu dibuat di Ulu Mukah atau dibuat di Nanga Selangau, Ulu Mukah, saya rasa tidak begitu jauh daripada tempat sebuah sekolah menengah Kerajaan yang ada pada hari ini iaitu sekolah menengah Kerajaan di luar bandar Sibu iaitu jika saya tidak silap di Batu 21 Jalan Sibu, Ulu Oya yang tidak begitu jauh dari Ulu Mukah, dengan siapnya jalan Ulu Mukah-Sibu sekarang. Ini mengikut apa yang saya lihat bukan sahaja untuk jangka masa pendek untuk masa jangka panjang adalah lebih sesuai sekolah menengah itu dibuat di dalam kawasan daerah Balingian. Tempatnya biarlah berdekatan Batang Balingian ataupun

di Pekan Balingian atau Ulu Balingian yang berhampiran jalan besar. Saya berharap cadangan dan pandangan saya ini boleh diterima oleh pihak yang berkenaan terutama Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.

Mengenai perkhidmatan sibaran pendidikan menerusi radio dan talivisyen ke sekolah-sekolah adalah suatu perkara yang penting juga, lebih lagi sibaran pendidikan seperti ini digunakan di semua sekolah bandar dan di luar bandar bagi memberi didikan yang serupa di seluruh negara ini. Ini adalah menjadi suatu bukti Kerajaan tidak mengira di mana sahaja rakyat dan murid itu berada, baik daripada apa sahaja keturunan kaum mendapat layanan yang sama dan juga di dalam didikan yang serupa. Ini sangat dibanggakan.

Menyentuh pinjaman \$50,000 kepada badan pengurus sekolah di Sarawak pula bagi tahun 1978 serupa juga seperti yang diberi pada tahun 1977. Saya berpendapat pinjaman seperti ini dikaji semula supaya dapat disediakan lebih lagi untuk sekolah-sekolah yang menghendaki bagi melaksanakan pembangunan sekolah-sekolah baru dan juga memperbaiki serta memperbesarkan bangunan sekolah lama. Ini dapat menjamin pembangunan di bidang pelajaran ke arah yang lebih baik lagi khasnya bagi Negeri Sarawak di mana terdapat sekolah menengah dan rendah yang bukan milik Kerajaan. Saya sangat sukacita melihat peruntukan pada tahun 1978 kepada Universiti Pertanian Cawangan Sarawak yang hampir separuh bertambah daripada peruntukan tahun 1977. Kami berharap Universiti Pertanian Cawangan Sarawak ini dapat memberi sumbangan yang besar kepada sumber pertanian sebagai salah satu bahan eksport dan lebih lagi penting bagi bahan makanan rakyat sendiri di negara kita ini. Kita berharap pemuda pemudi yang berkebolehan dapat memasuki lebih ramai lagi ke Universiti Pertanian ini dan kita berharap juga hasil negara kita ini terutama beras cukup untuk rakyat jika boleh

untuk diekspot ke luar negeri. Begitu juga daging dan ikan.

Tuan Pengerusi, kami tidak bersetuju dan menentang sangat atas usul yang dicadangkan oleh Ahli dari Seremban untuk memotong gaji Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Tak payahlah sebut, Ahli Yang Berhormat. Perkara itu sudah selesai, tak payah sebut lagi. Sebutlah perkara lain pula.

Tuan Latip bin Haji Dris: Ya, baiklah. Setakat itu sahajalah Tuan Pengerusi, akhir kata saya memberikan sokongan penuh atas peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pelajaran untuk tahun 1978 dan juga semoga segala yang kami harapkan dapat dilaksanakan dengan baik.

5.56 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan yang diminta oleh Kementerian berkenaan, di sini saya sukalah mengesyorkan beberapa perkara. Satu daripadanya dalam B. 29 muka surat 211 berkenaan dengan Latihan Guru.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya guru ialah satu pengajaran dan satu tauladan yang besar bukan sahaja untuk murid sekolah tetapi untuk segenap lapisan. Maka dengan sebab itu saya mencadangkan selain daripada kelulusan yang telah ditentukan maka akhlak hendaklah dipentingkan juga apabila mengambil seseorang guru itu, janganlah semata-mata seorang itu hendak menjadi cikgu tujuannya hendak menjadi cikgu tetapi biarlah tujuan besarnya sebagai pendidik untuk mendidik kanak-kanak dan menjadi tauladan kepada umum. Apatah lagi jika mereka itu untuk menjalankan pengajaran hendaklah diadakan satu syarat tentang pakaian dan sebagainya, kerana kita dapati cukup susah bagi menegur seorang murid. Kalaulah kita kata pakaiannya tidak begitu teratur dan tak kena tetapi alasannya kadang-

kadang mereka tegur guru kami pun biasa pakai begitu. Dan saya suka menegaskan di sini guru adalah satu golongan yang disanjung oleh masyarakat dan kebanyakan guru boleh dikatakan 98% amat baik. Kita tak mahu kerana 2% yang buat tak baik kesemua guru tak baik juga. Dengan sebab itu saya percaya Menteri Pelajaran sebagai Timbalan Perdana Menteri akan bersetuju dengan pendapat saya.

Tuan Pengerusi, saya bercakap juga dalam segi peperiksaan. Saya juga dapat sungutan kadang-kadang peperiksaan itu diadakan sampai hari perayaan, begitu juga pada hari Jumaat. Oleh itu, sekiranya tidak menjadi halangan kalau bolehlah hari peperiksaan itu baik pun LCE ataupun SPM dibuatkanlah jangan seboleh-bolehnya pada hari yang saya sebutkan tadi, hari cuti umum ataupun hari Jumaat dan sebagainya untuk membolehkan budak-budak berhariraya sama dengan ibubapa dan sebagainya. Walaupun mereka akan menjawab dalam peperiksaan kadang-kadang hari mereka teringat sangat ke rumah dan sebagainya.

Bercakap saya juga Tuan Pengerusi, dalam jawatan berpencen. Ini kerap kali berlaku dalam Jabatan Pelajaran. Saya dapati ada setengah guru hendak berpencen sampai hari ini tak boleh, kerana saya walaupun bukan guru, banyak juga rakan saya daripada guru salah satu sebabnya kerana rekod-rekod itu tidak ada tarikh dan sebagainya. Hal ini juga saya berharap sangat dapat perhatian.

Bercakap saya di segi Pentadbiran Am, di bawah Butiran 1200 ataupun di bawah Butiran 1100 berkenaan dengan cara pemberian wang kepada sekolah-sekolah. Wang ini diberi mengikut setahu saya pada setahun 4 kali atau mengikut penggal. Wang bantuan murid mengikut kepala kalau tak silap saya. Atas pemberian wang itu kita ucapkan terima kasih kerana pemberian ini amatlah baik tetapi meyulitkan pihak sekolah kerana wang itu terlampau lambat daripada masa yang ditentukan. Katalah penggal pertama

tidak dapat pada penggal pertama, habis cepat dia akan dapat awal penggal kedua. Lebih tepat saya katakan kerap kali wang untuk peruntukan penggal keempat misalnya tahun 1977 sudah tetap akan dapat pada tahun 1978. Jadi wang ini akan digunakan oleh sekolah untuk keperluan sekolah dan sebagainya kadang-kadang kalau wang ini ada boleh dibeli dengan wang tunai. Kita yakin tentulah barang yang harganya \$5.00 tentu \$5.00. Kalau hutang boleh jadi yang \$5.00 itu dengan serta-merta akan naik \$6.00 dan cikgu yang baik ini pihak kedai beri juga tetapi dengan cara hutang tentu bertambah lagi. Jadi bererti dengan sendirinya bertambah peruntukan. Dengan sebab itu saya merayulah dengan seboleh-bolehnya perkara ini di-segerakan.

Tuan Pengerusi, bercakap saya berkenaan muka surat 214 berkenaan Pengajaran Agama Islam. Saya amat tertarik apa yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri petang semalam berkenaan dengan rancangan latihan guru dan berbagai-bagai perkara untuk menambahkan kebaikan. Di samping itu saya suka mengesyorkan dua tiga perkara. Yang pertama, selain daripada pelajaran-pelajaran untuk lulus peperiksaan maka hendaklah diberi pelajaran-pelajaran yang mengisi kerohanian sebab saya katakan begitu kadang-kadang kita hendak ambil pelajaran untuk lulus peperiksaan itu lain, budak itu hafal untuk menjawab apa yang akan disoal dalam peperiksaan tetapi tidak tertanam dalam senubari. Maka saya berharap selain daripada belajar untuk lulus peperiksaan, pelajaran yang saya maksudkan tadi amatlah perlu dan di samping itu juga saya berpendapat patutlah ditambah kalau tidak seminggu lima kalipun dalam seminggu dua tiga kali di sebelah petang supaya boleh murid-murid dalam segi ugama atau guru-guru ugama tadi mengajar cara amali. Misalnya, kita mengajar mengambil air sembahyang dan seterusnya sembahyang. Jangan semata-mata mengajar perkataan tetapi dengan terusnya perbuatan sekali, baik cara mengambil air sembahyang dan cara

sembahyang dan mengikut waktu-waktu tertentu dan jika boleh disulam dengan bacaan Quran dan sebagainya. Walaupun hari ini Jabatan Ugama ada buat dalam kampung dan dalam Masjid dengan diberi bantuan kadar yang berpatutan, tetapi saya fikir latihan daripada sekolah patut diadakan juga.

Tuan Pengerusi, bercakap saya juga dalam Butiran 4100, Aktiviti (3) (d). Rancangan ini saya ucapkan tahniah dan sepenuh ikhlas dalam Dewan yang mulia ini. Saya yakin kepada Kementerian yang berkenaan akan dapat pahala yang begitu besar daripada Tuhan iaitu Rancangan Amalan Makanan dan Permakanan kerana setahu saya di masa lepas amalan itu tidak ada iaitu bantuan makan pagi kepada kanak-kanak sekolah.

Saya yakin, Tuan Pengerusi, saya sendiri biasa sekolah kadang-kadang tiada wang hendak makan dan terpaksa pergi sekolah perut kosong. Bila perut kosong hendak belajar pun payah dapat, seperti kata pepatah, kalau tidak silap, akal alaklussalim filjissimissalim. Maknanya: akal yang sempurna datangnya daripada badan yang sempurna. Saya percaya Tuan Pengerusi sendiri tahu pepatah itu kerana Tuan Pengerusi lebih bijak daripada saya dari segi ini. Jadi dengan sebab itu kalau kita tidak makan badan tidak sihat, perut kosong hendak belajar tidak boleh. Inilah saya kata satu amalan kena pula namanya amalan permakanan. Ini adalah satu amalan yang cukup baik terutama kepada kanak-kanak sekolah Darjah 1, 2, 3 dan 4 dan terdiri daripada banyak yang miskin dan saya tengok peruntukan ini ada bertambah daripada \$2,780,000 kepada \$4 juta. Jadi saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah di samping itu saya berharap di segi perlaksanaan, saya percaya tujuan Kementerian akan memberikan apa yang saya sebutkan tadi untuk memberikan makanan kepada kanak-kanak yang tidak mendapat makanan terutama kanak-kanak yang kurang mampu pergi sekolah tidak sempat makan.

Yang kedua akan memberi makanan mengikut keadaan makanan yang ada zat

yang berpatutan. Jadi, saya takut kalau-kalau ada sekolah yang hendak menyenangkan kerja dia ambil wang itu diberikan kepada budak-budak itu mengikut catuan. Jadi tidak sampai hajat yang asal yang dikehendaki oleh Kementerian yang berkenaan khususnya oleh Menteri yang berkenaan. Oleh sebab itu, saya harap awasi perkara ini dengan sebaik-baiknya dan kalau boleh tambah lagi kerana saya dapati setengah sekolah kerana wangnya tidak begitu cukup dibuat setakat Darjah 1 — 3 dan setengah sampai Darjah 4. Boleh jadi murid-murid Darjah 5 itupun miskin. Ini saya katakan dengan terus-terang kerana saya biasa bersekolah, saya orang miskin saya tahu. Murid miskin tengok kawan makan dia tidak boleh makan sama-sama, ia lapar. Ini boleh jadi tabiat manusia, kenyang atau lapar pun dia suka bercampur-gaul, kalau tengok kawan makan dia hendak makan. Saya tengok banyak budak-budak pergi awal ke sekolah, dia kata besok cikgu hendak jamu makan itu dan ini. Jikalau boleh berikan peruntukan tambahan untuk makanan kanak-kanak di sekolah itu dari Darjah 1 — 5, Darjah 6 itu kurang sedikit tetapi kalau mereka itu boleh diberi lebih baik.

Bercakap saya dalam Pembangunan pula, Tuan Pengerusi, tentang pelajaran. Yang saya maksudkan bangunan sekolah-sekolah. Saya ucapkan tahniah. Sekolah di dalam Perlis terlampau banyak terutama sekolah menengah, sekolah rendah ini tidak hendak dinafikan. Kalau di dalam kampung kita pergi kalau orang katakan Menteri ini tidak buat apa-apa, ini tidak betul. Cuma perlaksanaannya. Saya bercakap tentang perlaksanaannya. Saya berpendapat kalau hendak buat biarlah kita buat cukup daripada awal. Saya selalu sebut dalam Dewan ini yang paling anihnya kita buat sekolah baharu, pembukaan sekolah baharu, hari dirasmikan pembukaan, Pengerusi Lembaga meminta salah satu daripada permintaannya ialah tambah bilik darjah, padahal perjumpaan dibuat, buka sekolah baharu. Ini pelik sangat. Jadi saya berharap kepada pegawai-pegawai, termasuk Menteri dan pegawai daripada bawah sekali

yang menyiasat dan membuat perangkaan kerana kita hari ini banci budak-budak sekolah itupun bukan hari ini banci esok masuk sekolah, kalau budak-budak hendak masuk tahun 1977 tahun 1976 sudah dibanci, kita buat perangkaan yang cukup. Jadi kita tahu berapa banyak murid sekolah tahun ini, tahun ini kita cukup perangkaan dan cukup kakitangan. Jadi pendekata kalau hendak buat sekolah seperti saya katakan tadi buatlah mengikut cukup bilik darjah itu. Jangan hari ini buka sekolah hari ini juga kita minta bilik darjah ditambah dan kalau boleh hari ini kita buat bilik perpustakaan sama. Saya syorkan mengikut zaman moden ini buatlah sekolah itu sampai tiga tingkat, bukan satu tingkat sahaja. Tingkat pertama pada pendapat saya adalah lebih sesuai untuk murid-murid Darjah 1 dan 2 kerana murid-murid ini kecil kalau hendak naik ke atas dia letih. Tingkat yang kedua darjah yang tinggi sedikit, tingkat yang ketiga yang agak tinggi dijadikan bilik perpustakaan, bilik musik, bilik guru besar pun bubuh atas.

Tentang rumah guru, Tuan Pengerusi, saya tidak tahulah di negeri lain, saya bercakap ini secara ikhlas, Perlis negeri kecil barangkali guru hendak duduk di rumah sendiri. Kalau buat rumah guru jarang orang duduk. Jadi, saya tidak bangkanglah tetapi saya tengok dalam peruntukan ini tiada bertambah juga. Jadi bersesuaian sangatlah. Saya tidak tahu di negeri-negeri lain tetapi di Negeri Perlis rumah guru ini bukan saya bangkang 100% tetapi tidak begitu mustahak, tetapi kalau hendak dibuat juga buatlah di sekolah-sekolah yang cukup jauh daripada bandar seperti di Padang Titi Tinggi yang sangat jauh, Sekolah Datuk Ariffin, saya pun tidak tahu hendak sebut kerana Perlis ini Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri tahu negerinya cukup kecil. Beliau kerap kali balik negeri sendiri. Jadi, saya buatlah di tempat-tempat yang sungguh terpencil itu.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, latihan guru. Patutlah dibuat satu rumah latihan guru di Perlis. Walaupun Perlis itu kecil tetapi kita

tahu pembangunan amat pesat. Guru diambil setahun demi setahun, saya pun tidak tahu bilangannya tetapi banyak dan peruntukan Budget yang banyak sekali tidak lain ialah peruntukan Kementerian Pelajaran, segala-galanya Kementerian Pelajaran ini banyak termasuk guru-gurunya tiap-tiap tahun amatlah banyak. Maka dengan amat banyak guru maka amat banyak guru yang hendak masuk berlatih. Jadi saya merayu kepada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran yang berhampiran dengan Perlis tolonglah, saya merayulah seboleholehnya di Perlis adakanlah juga Puat Latihan Guru. Kalau hendak dibandingkan dengan Kuala Lumpur, Perlis cukup banyak tanahnya dan harganya murah sangat dibandingkan dengan Kuala Lumpur.

Tentang alasan tidak cukup, mengatakan pada masa-masa yang lepas tidak payah diadakan banyak paip, dan ada di setengah-setengah tempat di Perlis tidak sampai lagi sehingga sekarang bekalan api dan letrik.

Sekianlah sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya.

6.11 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya sangat tertarik hati kepada beberapa perkara yang diperuntukkan terutama sekali berkenaan dengan Aktiviti (3) (g) Rancangan Buku-buku Teks. Nampaknya rancangan ini telah berjalan sungguhpun pada permulaannya timbul beberapa masalah tetapi nampaknya sudah menjadi satu amalan yang diterima dan kita harap dapat dikekalkan sebagai satu amalan tertentu dan saya rasa peruntukan yang ditambahkan daripada \$25,450,000 menjadi \$28,361,200 itu adalah sewajarnya. Dalam perkara ini kita sebagai sebuah negara adalah menjadi contoh kepada negara-negara lain dalam rancangan yang patut dipuji, sesuai pula dengan hasrat dan kemahuan rakyat kita.

Saya juga sangat tertarik hati kepada peruntukan di bawah Aktiviti (3) (k) Pengajaran Ugama di mana terdapat tambahan \$12 juta lebih kerana peruntukan tahun sudah sebanyak \$10 juta itu sudah ditambah lebih daripada dua kali ganda. Ini pada saya menunjukkan bahawa Kerajaan kita sentiasa mengikuti dan memperhatikan hasrat rakyat khususnya masyarakat kita di kampung yang sangat memerlukan bantuan dan peruntukan yang secukupnya untuk aktiviti ini. Aktiviti ini sangatlah sesuai dengan dasar kebangsaan di samping Rukun Negara serta juga dengan kemahuan rakyat dan ini adalah satu perkara yang saya rasa patut kita menitikberatkan dan membanggakan tentang sesuatu usaha Kerajaan untuk menaikkan kemahuan dan hasrat rakyat.

Saya suka menyentuh berkenaan dengan Aktiviti (5) Pelajaran Menengah Atas/Tinggi di mana ada segala peruntukan untuk universiti dan institusi pelajaran tinggi. Di sini saya rasa bimbang sedikit berkaitan dengan berita-berita yang tersiar dalam surat khabar di mana kononnya ada rancangan untuk mengadakan peraturan-peraturan dan undang-undang di bawah Akta Universiti dan Universiti Kolej yang menghadkan kegiatan kakitangan pengajar, guru-guru, Mahaguru, pensyarah, profesor dan sebagainya di beberapa lapangan aktiviti yang biasanya di lain-lain negeri dianggap sebagai kegiatan dan usaha biasa seperti mengambil bahagian yang cergas dalam badan-badan masyarakat termasuk badan-badan politik, juga mengarang, bersyarah ataupun membuat rencana yang disiarkan dalam surat-surat khabar ataupun majalah-majalah ataupun mengambil bahagian di dalam forum, seminar, perbincangan dan sebagainya.

Saya rasa sungguhpun pada hakikatnya dengan keadaan kita pada hari ini, mereka semua makan gaji dan barangkali jikalau dipandang daripada satu segi boleh juga dianggap seperti kakitangan Kerajaan dan boleh disamakan dengan kakitangan Kerajaan lain, dengan sebab itu barangkali ada

sebab-sebab yang mereka ini patut dikehendaki patuh dengan tatatertib dan beberapa peraturan yang telah disediakan untuk mengawal tingkah laku, perbuatan, kecergasan, kegiatan kakitangan Kerajaan, tetapi saya rasa di sesebuah negeri, di satu-satu negara kekayaan kekuasaan pemikiran (intellectual wealth) ini tidak dapat dinafikan, kerap kali terkumpul di institusi pelajaran tinggi, di sinilah ada orang-orang yang biasanya sanggup tidak mahu gaji besar, sanggup barangkali tidak mahu masuk lapangan perniagaan dan dapat gaji yang lumayan, akan tetapi oleh kerana pembawaan jiwanya ataupun oleh kerana kesetiannya ataupun kerana mereka cenderung pada pelajaran dan pemikiran terus mahu berkhidmat di universiti dan institusi pelajaran tinggi supaya dapat mereka melanjutkan pelajaran, mengadakan kajian menajamkan otak dan fikiran, dan pada hemat saya barangkali mungkin akan merugikan bangsa dan negara, kalau kita mengadakan sebarang sekatan ataupun mengkongkong gerak-geri dan kegiatan kecergasan golongan ini. Saya rasa undang-undang kita yang terdapat pada hari ini samada mengenai keselamatan negeri, samada tentang morality, samada tentang libel sedition dan sebagainya, sudah cukup untuk mengkongkong, untuk mengawal gerak-geri mereka itu.

Saya buat rayuan ini demi kepentingan nasional demi keuntungan seluruh negeri kita supaya memikirkkan kalau betul berita ini yang tersiar di dalam suratkhobar mengulang kaji memikirkkan samada dapat kita mengkecualikan golongan ini daripada aturan dan peraturan yang diadakan untuk kakitangan Kerajaan biasa. Pada kebiasaannya, kakitangan Kerajaan yang biasa diadakan amalan dan peraturan di mana pegawai-pegawai tertentu meminta untuk mendapatkan kebenaran mengambil bahagian dalam parti politik menjadi setiausaha cawangan, bahagian dan sebagainya. Saya rasa sekiranya dalam lapangan kakitangan Kerajaan yang biasa itu pun sudah ada kelonggarannya, apalah salahnya kelonggaran cara umum diberikan kepada

golongan intelektual yang menjadi guru ataupun menjadi tenaga pengajar di universiti-universiti dengan mengadakan pertemuan fikiran dan pendapat, mengadakan berbahasan dengan menajamkan akal dan fikiran kita. Ini barangkali dapat secara jujur mengkritik, bila perlu, menunjukkan pada masamanya perkara yang wajib ditunjukkan kalau tidak betul dan sebagainya dapat kita membetulkan apa yang patut dibetulkan, mengkaji semula apa yang patut dikaji dan barangkali experiment dengan ideas, experiment dengan pendapat-pendapat sehingga dapat bangsa kita tidak ketinggalan di lapangan intelektual, di lapangan pelajaran mahu pun di lapangan socio-economic thinking dan sebagainya.

Ini saya rasa, saya membuat rayuan ini berasas semata-mata kepada berita dalam suratkhobar barangkali berita ini tidak betul, sia-sia sahaja apa yang saya katakan ini tetapi sekiranya berita itu betul saya harapkan perkara ini diberi pertimbangan supaya dapat mengadakan satu suasana yang bebas dan sihat untuk para intelektual di Universiti dan di Institusi Pelajaran Tinggi kita dapat cergas dan bergiat sebagaimana juga terdapat di luar negeri dalam keadaan yang sama itu.

Saya sambil merasa bangga yang kita ini sudah mempunyai begini, banyak Universiti dan saya juga rasa sangat senang bahawa Kerajaan kita sanggup memperuntukkan begini banyak wang untuk kemajuan dan perjalanan Universiti sebab dari sinilah puncanya yang dapat kita bakal-bakal pekerja, bakal-bakal pemimpin, bakal penganjur dan sebagainya di masa akan datang, tetapi saya rasa elok juga saya buat satu teguran iaitu ada banyak orang berpendapat pada hari ini barangkali kita sudah cukup banyak Universiti sungguhpun masih ramai penuntut-penuntut kita itu yang mampu ke luar negeri tetapi kerana kita mengadakan sistem yang bebas, yang tidak menyekat mungkin kita menghadapi satu masa yang tidak lama lagi satu suasana, satu keadaan di mana terdapat terlalu banyak siswazah-siswazah kelulusan Universiti yang

berpelajaran tinggi ini sehingga terlalu banyak tidak dapat diberi pekerjaan yang sesuai dengan pelajaran mereka. Ini mungkin menimbulkan satu masalah sosial, ekonomi dan sebagainya. Patut juga barangkali tanpa niat menyekat kebebasan yang kita dapat yang kita rasa bersyukur, tetapi barangkali cara persuasion, cara penerangan, cara pujuk dan sebagainya patut kita menyedarkan penuntut-penuntut dan pelajar sendiri dan juga ibubapa tentang pemilihan pelajaran dan tempat-tempat pelajaran supaya tidak terlalu banyak tertumpu kepada jurusan-jurusan yang mungkin membawa kepada jalan yang tidak menghasilkan hasrat mereka yang menuntut pelajaran-pelajaran ini sebaliknya menuntut pelajaran-pelajaran di jurusan-jurusan yang lebih sesuai yang kita lebih mementing dan memerlukan di masa akan datang.

Di sini barangkali patut kita berusaha mengadakan lebih banyak maktab-maktab politeknik, institusi-institusi yang boleh melatih mereka di tingkat pertengahan, jangan pula sampai kita ada satu keadaan di mana terlalu banyak General-general tetapi Captain-captain, Major-major di dalam segala usaha kita dalam pentadbiran, perniagaan, perusahaan dan sebagainya sangat kekurangan sampai menimbulkan masalah.

Di sini saya tertarik juga bahawa dalam peruntukan biasiswa untuk penuntut-penuntut politeknik itu yang ditokenkan sebanyak \$10 sahaja pada tahun lepas, ditambah menjadi \$64,000 tetapi saya rasa biarlah kita adakan biasiswa yang lebih yang menggalakkan penuntut menuntut di politeknik-politeknik, di Middle Management, di lapangan kerja teknik yang samada servicing dalam lapangan-lapangan perantaraan dan pertengahan yang saya kluatir di masa akan datang barangkali kita mungkin kekurangan.

Saya cuma hendak tamatkan pada satu permohonan, rayuan yang agakna ternukil sedikit disebabkan mewakili kawasan luar bandar, Kepala Batas, dan sana pada waktu ini ada satu sekolah menengah yang sudah ada

penuntut sehingga Tingkatan V, sudah berapa lama dan kelilingnya ada pula lain-lain sekolah yang menjadi faedah yang dianggap oleh penduduk kawasan ini sudah sampai masanya diberi peluang mengadakan Tingkatan VI supaya tidak susah payah penuntut-penuntut ini pergi begitu jauh sampai ke Butterworth atau Bukit Mertajam untuk melanjutkan pelajaran ke Tingkatan VI. Ini saya tahu telah dirayukan berulang-ulang kali, banyak surat-surat permohonan telah disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan, barangkali perkara ini sudah ditimbang, barangkali masanya belum sampai. Tetapi pada saya sebagai wakil orang dalam kawasan ini yang berhasrat, yang bertujuan mahu diadakan Tingkatan VI menjadi kewajipan saya ulang lagi sekali membuat rayuan di sini supaya sekiranya sesuai dapat diadakan, haraplah seberapa cepat tambahkan Tingkatan VI di sekolah menengah Kepala Batas ini demi kepentingan berpuluh-puluh murid yang tinggal dalam kawasan ini yang pada masa ini terpaksa pergi 15—20 batu ke Butterworth, ke Bukit Mertajam untuk melanjutkan pelajaran ke Tingkatan VI.

6.28 ptg.

Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh (Hilir Padas): Tuan Pengerusi, dengan keizinan Tuan Pengerusi saya ingin bercakap sedikit di bawah Kepala P. 30 — muka surat 226, Butiran 14 — Rancangan Latihan Guru di Sabah.

Guru-guru di Sabah khasnya guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia adalah lulusan dari Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu, Maktab Perguruan Kent, Tuaran dan Maktab Perguruan Sandakan di Sandakan, Sabah. Di sini saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Bahasa Malaysia adalah bukan bahasa ibunda kepada sebilangan besar rakyat Sabah seperti orang-orang Melayu di Semenanjung ini, bahkan Bahasa Malaysia adalah bahasa kedua selain daripada bahasa ibunda mereka masing-masing seperti Bahasa Kadazan,

Bajau, Murut, Bisayap, Brunei dan sebagainya. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, darjah dan mutu Bahasa Malaysia mereka ini adalah lebih rendah daripada di Semenanjung di sini.

Tuan Pengerusi, saya di sini mengusulkan supaya satu sistem patut diadakan di mana guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah di Sabah diberi kursus tambahan di Semenanjung Malaysia supaya mereka akan lebih cekap dan lebih pintar lagi menyampaikan pelajaran Bahasa Malaysia ini kepada murid-murid mereka di Sabah.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Kementerian yang berkenaan kerana banyak menghantar guru-guru dan pegawai-pegawai untuk mendapat latihan post-graduate di

Seberang laut tetapi, Tuan Pengerusi, perkara ini tidak akan bermakna malahan akan merugikan jika murid-murid ini tidak diberi pelajaran untuk menghapuskan "spirit" atau semangat kedaerahan sampai bila-bila masa mereka masih mementingkan suku atau bangsa-bangsa Malaysia sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Khamis, 8hb Disember, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.